



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 04 APRIL 2025 (JUMAAT)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• PUTRA HEIGHTS INFERNO: DEWAN CAMELIA RELIEF CENTRE LESS CROWDED, QUIETER, SAYS EVACUEES
2.	SELANGORKINI	• KAWALAN KETAT KE PUTRA HEIGHTS, PENDUDUK DIBENAR AMBIL DOKUMEN PENTING
3.	SINAR HARIAN	• KEBAKARAN PAIP GAS: KAWALAN KETAT, PENDUDUK DIBENAR AMBIL BARANGAN SECARA BERFASA • RUMAH ROSAK 20 PERATUS SELAMAT UNTUK DIHUNI – KP BOMBA
4.	UTUSAN MALAYSIA	• POLIS, PENGUAT KUASA MASIH LAKSANAKAN KAWALAN KESELAMATAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
	THE STAR	DBKL	• MULTIPLE SINKHOLES, DRAIN STRUCTURE IN JINJANG REPAIRED BY DBKL

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• HELP POURS IN FOR VICTIMS • FINDINGS TO BE MADE PUBLIC TODAY • 87 HOUSES RAZED, 148 INHABITABLE AFTER REPAIRS • DEPUTY MINISTER: DON'T SPREAD FAKE NEWS • WE ARE NOT ANGRY, JUST VERY SAD'
2.	SINAR HARIAN	• PAIP GAS BELUM SAMPAI TEMPOH HAYAT • SUKAR TUNTUT PAMPASAN JIKA PIHAK BERTANGGUNGJAWAB BELUM DIKENAL PASTI • HASIL SIASATAN MULA DIDEHAH HARI INI • MANGSA DIGESA SEGERA LAPOR POLIS • TERLALU AWAL FIKIR TINDAKAN UNDANG-UNDANG – WAKIL PENDUDUK • MANGSA KEBAKARAN PUTRA HEIGHTS BAHARUI DOKUMEN JPJ TANPA LAPORAN POLIS • MUDAH, JIMAT MASA PERBAHARUI DOKUMEN PRIBADI' • SAYA HILANG SEGALA-GALANYA' - ZAINUDDIN ABDUL HALIM MENUNJUKKAN FOTO RUMAHNYA YANG TERBAKAR KETIKA DITEMUI DI HOSPITAL SERDANG
3.	KOSMO	• BANTUAN RM5,000 MULA DISALUR ISNIN INI • PENDUDUK SAYU KEDIAMAN TIDAK LAGI SEMPURNA • 115 PEMILIK DIBENAR MELAWAT KEDIAMAN SECARA BERFASA • GANTI MYKAD, LESEN, PASPORT PERCUMA • KAMI PERLUKAN RUMAH, JAMINAN' – MANGSA KEBAKARAN MOHON PENEMPATAN DI KAWASAN BAHARU • SIAPA PENCEROBOH? • RUMAH, KERETAA MANGSA MUNGKIN TIDAK DILINDUNGI INSURANS • PENDUDUK BUNTU, RAYU PENEMPATAN BAHARU • RUJUK JKM SEBELUM BUAT SUMBANGAN BARANGAN • CAP TUNTUT TUBUH RCI SIASAT KEBAKARAN SALURAN PAIP GAS • 85 PEMILIK DIBENAR PULANG KE RUMAH
4.	HARIAN METRO	• 108 LAPORAN DITERIMA, DIJANGKA BERTAMBAH DARI SEMASA KE SEMASA • 'LAWAN' BAHANG 1,000 DARJAH CELCIUS • MASUK RUMAH BERFASA – PENDUDUK TERJEJAS DIBENAR AMBIL BARANGAN, BUAT PEMERIKSAAN PENDAWAIAN ELEKTRIK • 'KERETA, TIGA MOTOR SAYA CAIR'

BIL	AKHBAR	TAJUK
		• JPJ BANTU MANGSA GANTI LESEN, GERAN KENDERAAN PERCUMA • 85 PEMILIK RUMAH DIBENARKAN PULANG • KAJI SEMULA PEMBANGUNAN BABIT LALUAN GAS • SALUR BANTUAN KEWANGAN ISNIN INI • 'FOKUS KEBAJIKAN SEBELUM TINDAKAN UNDANG-UNDANG' • TERJUN SUNGAI LARI DARI BAHANG • MEDIA PRIMA AUDIO TAMPIL HULUR BANTUAN • SIASATAN AWAL DIUMUM HARI INI
5.	BERITA HARIAN	• 85 RUMAH DISAHKAN SELAMAT • MANGSA TERUS TERIMA BANTUAN • 115 PEMILIK DIBENAR PULANG BERPERINGKAT PERIKSA RUMAH • MANGSA DIMINTA PERINCIKAN KERUGIAN, KEMUKA TUNTUTAN • TNB TAWAR REBAT 100 PERATUS SATU BULAN BIL • SEMBILAN RUMAH, HARTA BENDALEBIH RM1.5 JUTA HANGUS • BERI PELUANG SIASATAN TRAGEDI PUTRA HEIGHTS, ELAK SPEKULASI LIAR • LIMA PENGAJARAN [ENTING TRAGEDI LEBAKARAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS
6.	THE SUN	• BRAVE MOTHER SAVES CHILDREN FROM PUTRA HEIGHTS BLAZE • CIDB ISSUES APOLOGY, RETRACTS STATEMENT • AID DISTRIBUTION FOR FIREVICTIMS BEGINS ON MONDAY • REVIEW PROJECTS NEAR UTILITY ZONES • BERJAYA FOUNDATION FOUNDER STEPS IN TO OFFER ASSISTANCE • 'CONSULT WITH CENTRES BEFORE SENDING DONATIONS' • PRASARANA PROVIDES SIX FREE VANS FOR VICTIMS • THOSE AFFECTED URGED TO LODGE POLICE REPORTS • RTD OFFERS FREE DOCUMENT REPLACEMENT

Putra Heights inferno: Dewan Camelia relief centre less crowded, quieter, says evacuees

By GRACE CHEN



SUBANG JAYA: In contrast to the busy atmosphere at the temporary evacuation centre in the multipurpose hall of Masjid Putra Heights, the 109 evacuees from 27 families who have been placed at Dewan Camelia, the multipurpose hall run by Subang Jaya City Council (MBSJ) say they are having a more peaceful time.

"It's quieter and more peaceful here because there are not so many evacuees, unlike Masjid Putra Heights, where I heard that 379 victims were being housed," said Jasni Abd Manap, 46, whose house and three motorcycles were destroyed in the Putra Heights gas line explosion on Tuesday (April 1).

In addition to providing breathing space for the evacuees to recover from the trauma of loss, the calmer and less crowded atmosphere has also allowed Social Welfare Department counselors to carry out activities such as drawing and colouring with the evacuees' children.

According to its counselor Mabel Tan, the drawing and colouring activities were meant to help children express and talk about their feelings.

"It's part of the healing process after such a traumatic experience," said Tan.

Dewan Camelia evacuees say there has been no lack of generous donors who send supplies in an almost never-ending stream throughout the day.

Everything from fast food, snacks, sweetened beverages, biscuits, and even mineral water dispensers has been made available to evacuees.

Dewan Camelia falls under the purview of MBSJ's Property and Valuation Department. As many as 40 personnel have been stationed at the temporary evacuation centre to ensure the cleanliness of toilets and rubbish management.

THE STAR ONLINE
TARIKH: 07 APRIL 2025

Kawalan ketat ke Putra Heights, penduduk dibenar ambil dokumen penting

© April 4, 2025 9:26 am



Tinjauan Bernama selakat pukul 8 pagi pada 4 April 2025 mendapati anggota polis dan bomba masih lagi mengawal laluan utama di Jalan Putra Harmoni, Putra Height. Foto Facebook BERNAMA.

KUALA LUMPUR, 4 APRIL: Anggota polis dan penguat kuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) masih mengawal ketat laluan masuk ke Jalan Putra Harmoni, Putra Height, Subang Jaya susulan kebakaran saluran paip gas, Selasa lepas.

Tinjauan Bernama di sekitar Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) mendapati hanya anggota penguatkuasaan dan kakitangan agensi terlibat seperti Jabatan Pengaliran dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dibenar memasuki kawasan itu selepas pemeriksaan oleh anggota polis.

Di sekitar kawasan PKTK dan Kuil Sri Maha Kalliamman Putra Heights, pengamal media juga turut 'berkampung' di khemah yang disediakan untuk membuat liputan.

Hari ini, mangsa kebakaran sekali lagi dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing mengikut giliran untuk mengambil barangan keperluan serta dokumen penting.

Semalam, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata proses pemulihan kawasan terjejas dilaksanakan secara berperingkat selepas pemeriksaan tahap keselamatan selesai.

Sebanyak 85 rumah disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing mulai semalam.

Amirudin dalam sidang media di Shah Alam turut memaklumkan bahawa proses siasatan punca kejadian terus dilaksanakan pasukan penyiasat melibatkan pelbagai agensi, dengan hasil laporan awal akan diketahui hari ini.

Kebakaran saluran gas Petronas pada 8.10 pagi Selasa, menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

Kebakaran turut menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter dengan keluasan kira-kira 21X24 meter di lokasi kejadian.

-BERNAMA

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH: 07 APRIL 2025



PRU Sinar Daily SinarPlus Sinar Bestari

E-Paper Langgan

Utama Terkini Berita Suara Sinar Sinar Islam Podcast Khas Video Berita Premium Untuk Anda



Kebakaran paip gas: Kawalan ketat, penduduk dibenar ambil barangan secara berfasa

04 April 2025 10:01am
Masa membaca: 2 minit



Mangsa kebakaran sekali lagi dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing mengikut giliran untuk mengambil barangan keperluan serta dokumen penting. Foto fail Bernama

KUALA LUMPUR - Anggota polis dan penguat kuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) masih mengawal ketat laluan masuk ke Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya susulan kebakaran saluran paip gas, Selasa lepas.

Tinjauan Bernama di sekitar Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) mendapati hanya anggota penguatkuasaan dan kakitangan agensi terlibat seperti Jabatan Pengaliran dan Saliran, Jabatan Kerja Raya dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dibenar memasuki kawasan itu selepas pemeriksaan oleh anggota polis.

Di sekitar kawasan PKTK dan Kuil Sri Maha Kaliamman Putra Heights, pengamal media juga turut 'berkampung' di khemah yang disediakan untuk membuat liputan.

Hari ini, mangsa kebakaran sekali lagi dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing mengikut giliran untuk mengambil barangan keperluan serta dokumen penting.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 07 APRIL 2025



Kebakaran paip gas: Kawalan ketat, penduduk dibenar ambil barangan secara berfasa

04 April 2025 10:51am
Masa membaca: 2 minit



Beberapa kenderaan yang diletakkan di kawasan perumahan Angus sepenuhnya susulan insiden kebakaran melibatkan saluran paip gas di Jalan Putra Hermori, Putra Heights. Foto Bernama

Semalam, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata, proses pemulihan kawasan terjejas dilaksanakan secara berperingkat selepas pemeriksaan tahap keselamatan selesai.

Sebanyak 85 rumah disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing mulai semalam.

Amirudin dalam sidang media di Shah Alam turut memaklumkan bahawa proses siasatan punca kejadian terus dilaksanakan pasukan penyiasat melibatkan pelbagai agensi, dengan hasil laporan awal akan diketahui hari ini.

Kebakaran saluran gas Petronas pada 8.10 pagi Selasa, menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

Kebakaran turut menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter dengan keluasan kira-kira 21X24 meter di lokasi kejadian. - Bernama

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 07 APRIL 2025



PRU

Sinar Daily

SinarPlus

Sinar Bestari

E-Paper

Langgan

Utama Terkini Berita Suara Sinar Sinar Islam Podcast Khas Video Berita Premium Untuk Anda



BERITA [Follow](#) > Nasional [Follow](#)

Rumah rosak 20 peratus selamat untuk dihuni – KP Bomba

04 April 2025 11:18pm

Masa membaca: 2 minit



Hanya kediaman yang mengalami kerosakan kurang daripada 20 peratus dalam insiden kebakaran dan letupan saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya akan dibenarkan untuk dihuni kembali. Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Hanya kediaman yang mengalami kerosakan kurang daripada 20 peratus dalam insiden kebakaran dan letupan saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya akan dibenarkan untuk dihuni kembali bagi menjamin keselamatan penghuninya.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Nor Hisham Mohammad berkata, berdasarkan pemeriksaan dilakukan, kebanyakan rumah diletakkan dalam kategori selamat dihuni itu hanya mengalami kerosakan kecil seperti cermin tingkap pecah selain kesan bahang kecil pada bumbung dan siling.

Beliau berkata, kebanyakan rumah itu juga terletak lebih 150 meter dari lokasi kejadian.

“Melalui persetujuan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, bagi kediaman dengan kerosakan kecil atau tiada kerosakan, kita benarkan penghuni mereka untuk masuk.

“Yang membabitkan kerosakan besar, tidak sesuai untuk masuk kecuali selepas penilaian lanjut terhadap keutuhan struktur dan pembaikan dilaksanakan,” katanya ketika dihubungi Bernama.

Penilaian keselamatan itu dilakukan bersama Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta kontraktor pendawalan elektrik.

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 07 APRIL 2025



PRU

Sinar Daily

SinarPlus

Sinar Bestari

E-Paper

Langgan

Utama Terkini Berita Suara Sinar Sinar Islam Podcast Khas Video Berita Premium Untuk Anda



BERITA [Follow](#) > Nasional [Follow](#)

Rumah rosak 20 peratus selamat untuk dihuni – KP Bomba

04 April 2025 11:18pm
Masa membaca: 2 minit



Beliau berkata, pemeriksaan secara kebolehlihatan terhadap unit rumah terjejas melibatkan permukaan struktur bangunan dinding, lantai, bumbung dan rangka bangunan selain terhadap sistem pendawalan elektrik.

Mengulas lanjut sebagai agensi sokongan, Nor Hisham berkata, setakat ini tiada keperluan untuk mendapatkan Sijil Penyilapan dan Pematuhan (CCC) baharu untuk kategori rumah berkenaan dan sijil itu diperlukan sekiranya terdapat perubahan besar struktur rumah seperti bangunan baharu.

Sebelum ini, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, 85 rumah di Taman Harmoni disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing mulai malam semalam serta bekalan air dan elektrik telah disambungkan ke rumah terbabit.

Kebakaran saluran gas Petronas pada 8.10 pagi Selasa, menyaksikan api menjulang setinggi lebih 30 meter dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius dan mengambil masa hampir lapan jam untuk dipadamkan sepenuhnya.

Secara keseluruhannya insiden itu melibatkan 1,254 orang daripada 308 keluarga dengan 87 rumah mengalami kerosakan sepenuhnya dan tidak boleh didiami manakala 148 rumah terjejas serta mengalami kerosakan tetapi boleh didiami setelah proses pemeriksaan dilakukan.

Kebakaran turut menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter dengan keluasan kira-kira 21X24 meter di lokasi kejadian. – Bemama

SINAR HARIAN ONLINE
TARIKH: 07 APRIL 2025

Polis, penguat kuasa masih laksanakan kawalan keselamatan



Angkutan bersempena serai backhoe yang dibenarkan masuk ke Taman Putra Harmoni, Subang Jaya, Selangor semasa kawalan keselamatan. - UTUSAN MALAYSIA

UtusanMalaysia | 4 April 2025, 10:24 am



SUBANG JAYA: Memasuki hari keempat, pihak polis, bomba, penguat kuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) serta pelbagai agensi masih melaksanakan kawalan keselamatan menghala ke laluan masuk Jalan Putra Harmoni di sini, hari ini.

Setakat pukul 8.30 pagi tadi, beberapa kenderaan dibenarkan masuk antaranya lori MBSJ, jentera backhoe serta beberapa kenderaan pasukan bomba dan Agensi Pertahanan Awam (APM).

Terdahulu, dilaporkan sebanyak 85 rumah yang terlibat dalam kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya telah disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing mulai malam, semalam.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Aminudin Shari berkata, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta penyedia utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengesahkan perkara itu melibatkan kawasan di Taman Harmoni dan bekalan air serta elektrik telah disambungkan ke rumah terlibat.

"Dari semasa ke semasa kita akan lihat balik kerana setakat ini ada lebih kurang 115 rumah yang telah dianggap ataupun dinyatakan selamat oleh JBPM," katanya.

Dalam pada itu, Aminudin berkata, seramai 1,254 mangsa daripada 308 keluarga telah diberikan parti dan bendera dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan dua mangsa sedang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU) masing-masing di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Ampang akibat masalah respiratori.

"Selain itu, 630 mangsa daripada 157 keluarga sedang menduduki dua pusat pemindahan sementara (PPS) iaitu di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia manakala baki 624 mangsa melibatkan 151 keluarga tidak menduduki PPS," katanya. - UTUSAN

UTUSAN MALAYSIA ONLINE

TARIKH: 07 APRIL 2025

Multiple sinkholes, drain structure in Jinjang repaired by DBKL

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

SINKHOLES reported earlier at Jinjang in Kepong, Kuala Lumpur, have been fixed by Kuala Lumpur City Hall (DBKL).

In a statement to *StarMetro*, DBKL said the sinkhole in Jalan Jinjang Aman 4 was caused by a collapsed wall of a nearby drain.

"The sinkholes in Jalan Jinjang Aman 5 were caused by damaged drain structure.

"Water entered the structural cracks and led to slight sedimentation of the road," it added.

DBKL was responding to a *StarMetro* article titled

"Sinkhole danger in Jinjang" on March 17 that highlighted the residents' concerns over three sinkholes in Jalan Jinjang Aman 4 and Jalan Jinjang Aman 5.

The local authority emphasised that it had not received any public complaints regarding the sinkholes.

It also said the sinkholes reported were small and not a danger to the public.

Repair works on the sinkholes began on March 19 and were completed recently.

In Jalan Jinjang Aman 4, the broken drain structure was repaired and the road resurfaced.

DBKL also resurfaced the road in Jalan Jinjang Aman 5.



The sinkholes in Jalan Jinjang Aman 5 have been repaired.

THE STAR

04 APR 2025

Tarikh:.....

Help pours in for victims

THE STAR
4/4

SUBANG JAYA: Help continues to pour in for victims of the Putra Heights inferno, with transport authorities, service providers and the private sector coming together to ease their burdens.

The Road Transport Department has opened a mobile counter at the temporary relief centre at the Putra Heights Mosque, where victims can replace their vehicle documents without requiring a police report.

They can also replace driving licences, motor vehicle licences or road tax and vehicle ownership certificates (VOC).

Victims only need to provide their names and identification card numbers to have their documents reprinted for free.

The counter began operating yesterday and will be open for two days, although it may be extended.

According to JPJ, 13 road tax, 53 VOC, 13 driving licences and three commercial driving licences were reissued at the counter yesterday.

The initiative is also supported by the General Insurance Association of Malaysia, and insurance claims can also be made by victims.

Prasarana Malaysia Bhd is providing free door-to-door shuttle services for the victims.

Its six vans shuttle victims between the temporary relief centre at the mosque to the affected neighbourhood in Putra



Heights, Kampung Puchong Tengah and Kampung Kuala Sungai Baru.

The vans, which enable the victims to return home to collect their stuff, also began operating yesterday and will continue as long as needed.

Automotive marketplace platform Carro is also loaning out at least 30 vehicles to the residents.

Chinese car maker Chery Malaysia is also supplying 50 cars for the fire victims, for a month. It will be on a first come, first served basis.

Applications can be made through the offices of state executive councillor Ng Sze Han's office or Kota Kemuning assemblyman S. Preakas.

Meanwhile, Berjaya Group founder Tan Sri Vincent Tan has pledged to donate RM3,000 cash to each family.

Proton Malaysia has also allocated RM250,000 for the victims.

Six service centres nearby will provide free assessment to all affected Proton cars involved.

Likewise, Edaran Otomobil Nasional Bhd, a wholly-owned subsidiary of DRB-HICOM Bhd, is providing 62 vehicles without any charge for a month.

Forty vehicles are being provided to families whose cars had been destroyed or severely damaged, with vehicles coming from EON's retail brands such as Proton, Mitsubishi and Volkswagen.



THE STAR

04 APR 2025

Tarikh:.....

Findings to be made public today

Negligence, natural causes considered, says S'gor MB

SHAH ALAM: The preliminary findings of investigations into the gas pipeline explosion in Putra Heights will be disclosed today.

The findings will be announced by Selangor police chief Comm Datuk Hussein Omar Khan, who led the investigation.

"This investigation took into account two perspectives: (the) criminal element of negligence or natural causes and technical failure," Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said.

"Firstly, to find if there are any elements of criminality or negligence, or (if it was) due to natural causes, the investigation will be carried out by the police.


"Secondly, for the technical investigation at 'ground zero', the Department of Occupational Safety and Health, which is under the Public Works Department, will begin a technical search at the site," he told a press conference after chairing a meeting with the Selangor disaster management committee yesterday.

"This investigation took into account (the) criminal element of negligence or natural causes and technical failure."

Datuk Seri Amirudin Shari

Amirudin said 108 police reports had been lodged on the matter and evaluation of the tragedy will include videos that went viral on social media.

"We are taking into consideration all the video clips, reports and information, and we may be calling all those involved."



Scorched earth: Personnel from various agencies surveying conditions at the site of the inferno. — Bernama

87 houses razed, 148 inhabitable after repairs

THE STAR
4/4

SUBANG JAYA: The gas pipeline inferno has totally destroyed 87 houses in the Putra Heights area.

Another 148 damaged houses were found to be inhabitable after repairs, said Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

A total of 308 families involving 1,254 victims have been identified and registered, he told a press conference after chairing the

state disaster management committee meeting yesterday.

The meeting involved 39 state and federal agencies.

Victims are being treated at the intensive care units of Hospital Ampang and Hospital Kuala Lumpur due to smoke inhalation that has affected their lungs.

A total of 630 victims from 157 families are currently occupying two temporary evacuation centres,

namely at the Putra Heights Mosque multi-purpose hall and the Subang Jaya City Council multi-purpose hall.

The remaining 624 victims from 151 families have chosen to find their own accommodations.

The Menteri Besar said there will be stricter controls at the temporary relief centres with daily press conferences to keep the public updated.

Visitors' movements at the temporary evacuation centres will now be monitored by the Social Welfare Department, which will arrange for meetings with victims.

"Those who wish to donate goods and services are advised to contact JKM. These evacuation centres are becoming places for people to discard their unwanted things," Amirudin said.



Seeking respite: Victims resting in their tents at the Putra Heights Mosque temporary relief centre. — Bernama

THE STAR
4/4

PETALING JAYA: Just the night before, the Wees were celebrating.

But the next morning brought terror and heartbreak.

And yesterday, they walked into what looked like a "war zone".

The Wee brothers had celebrated their father's birthday at their family home at Putra Avenue Topaz on Tuesday night, just hours before it partially crumbled in the gas pipeline inferno.

"Dad turned 62. We celebrated his birthday with the whole family at home the night before the incident."

"The next morning, I got a frantic call from him telling me he was fleeing from the fire with my mother and youngest brother," said Jonathan Wee, 33, when met with his brothers Michael, 32, and Justin, 30, near the Incident Control Post.

All three brothers had only recently moved out of the house to live on their own.

The brothers are grateful for the help pouring in, but are hoping for fair and reasonable redress for their losses.

"All we ask is for an assurance of a fair settlement to fix the damage. It is our family home."

"We grew up here and our parents worked hard to build it," said Michael, adding that the houses there were worth between RM1.5mil and RM2.4mil.

Their corner lot unit was one of the most expensive ones.

Other residents shared the sentiments.

Chan Weng Hoi, 64, felt that it would be ideal if the government offered a rented property nearby for the affected families until they move into their homes again.

"We are thankful for the relief centres. But how long can we go

on living there?"

"We need to know where and what we ought to do after this and not be kept in the dark," said the industrial equipment dealer.

Putra Avenue Topaz residents association committee member Aziz Jidon, 70, also said he was hopeful the government would assist victims with temporary homes or possible rental units nearby as they rebuild their damaged houses.

"Most of us are staying with relatives now. Some of the victims are stranded."

"Not only did they lose their houses, they also have no relatives to turn to."

"A temporary house nearby would help. We visited our area and it's like a war zone now."

"The damage to the houses are in varying degrees."

"But there were many that were completely destroyed by the

fire," said the retiree.

Earlier in the morning, accompanied by police and Tenaga Nasional personnel, 115 Putra Avenue homeowners were allowed to carry out inspections at their homes to determine if power supply could be returned to their premises.

Petaling District Officer Huzunul Khaidil Mohammed said the inspection was to determine if the homes are safe for residents to return.

Families from 85 houses in Taman Harmoni were allowed to return home since last night after safety checks by Tenaga Nasional Bhd.

Utility lines and water have been connected to these houses.

However, the residents of Kampung Kuala Sungai Baru will still not be able to return home as their homes suffered severe damage.

Deputy minister: Don't spread fake news

PETALING JAYA: The public should not spread fake news or unverified information about the recent inferno in Putra Heights, as it could cause confusion in the community.

Deputy Home Minister Datuk Seri Shamsul Anuar Nasarah said the authorities will take action against anyone who exploits the

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



crisis in Putra Heights, adding that the Home Ministry is jointly monitoring the situation closely

with the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

Shamsul Anuar said after visiting fire victims at the Putra Heights Mosque that 116 police officers are on duty there and the Home Ministry will increase the number based on the latest developments.

"The police are ensuring security, especially at the residential homes," he said.

The ministry has also set up mobile counters to facilitate victims in getting a copy of their birth certificates or identity cards.

To date, 19 replacement identity cards and four birth certificates have been issued.

THE STAR

Tarikh: 04 APR 2025

'We are not angry, just very sad'

Kg Kuala Sg Baru village head says the houses need to be fully torn down and new ones built

By GRACE CHEN
gracechen@thestar.com.my

DESPITE the gas pipeline fire incident in Putra Heights that displaced 147 of his neighbours in Kampung Kuala Sungai Baru, it is business as usual for *lemang* seller Azizi Abdul Manan, 46.

"I have been operating my *lemang* stall since the fourth day of Ramadan.

"I closed on April 1, the day of the incident, but reopened the next day.

"This is because I have collected deposit for orders from customers," he said.

Azizi's *lemang* stall is the only one that is open along the main road of the village in Puchong, Selangor.

The atmosphere there is far from the celebratory one typical

ly seen in a Malay village during Hari Raya.

The gas pipeline explosion destroyed 39 houses in the village located about 400m from the blast area.

Kampung Batu 13 village head Figrie Jusdean said residents from 50 houses located about 300m from the destroyed homes were also ordered to evacuate.

Figrie's jurisdiction covers five villages - Kampung Kenangan, Kampung Tengah A, Kampung Tengah B, Kampung Perahu and Kampung Kuala Sungai Baru.

"As the gas pipeline was underground, the explosion caused debris of earth and stones to rain on our village.

"Everything, including houses, were covered in dust," he said, adding that with ensuing rain, the dust had turned to mud.



An entire row of destroyed houses in Kampung Kuala Sungai Baru which is only 400m from the gas pipeline blast site in Putra Heights. — Photos: GRACE CHEN/The Star and courtesy photos

However, the inconvenience of the dust and mud is nothing compared to the harrowing experience the villagers had gone through, with roofs and awnings melting under the intense heat of the fire.

Azizi recalled his friend, Mohamad Radzi Mohd Rashid, 42, and his family being trapped in their burning house.

"He and four other members of his family were trying to shelter in the bathroom.

"When the firemen rescued them, they were found with burns on their hands, legs and backs," said Azizi, adding that he was told that a few victims were due to be discharged from hospital.

Azizi said a school bus opera-

tor in the village lost three of his vans in the fire.

He also showed screenshots of some people soaking themselves in nearby Sungai Klang to escape the scorching heat. One of them was a woman carrying her one-year-old child.

Nor Azizah Meskam, 38, one of the victims housed at the shelter in Masjid Putra Heights, said the relief centres were full on the first day so she and her family could not get in.

They eventually found space after the village head helped the relief centre identify the residents.

Azizah's consolation is that her pet cat survived the ordeal.

Figrie said police blockades had been set up within a 500m radius of the houses that were destroyed.

"We are not angry, just sad that this has happened to us on the second day of Hari Raya celebrations," he said.

He hopes the authorities will ensure compensation and repairs are carried out for the damaged houses and vehicles.

"As the 39 houses are completely destroyed, the ruins must be demolished completely and new buildings constructed in their place," Figrie added.



Azizi cleaning away dust on the road in front of his 'lemang' stall situated along the main road of the village.



Figrie (left) talking to Azizah (right) at the relief centre in Masjid Putra Heights.

THE STAR

4 APR 2025

Tarikh:.....

Tidak mungkin pecah sendiri kecuali dicero boh atau wujud pergerakan tanah

SNH 4/4

Paip gas belum sampai tempoh hayat

PETALING JAYA: Paip gas yang terbakar di Putra Heights, Subang Jaya, Selasa lalu tidak mungkin mengalami kebocoran kecuali berlaku kecuai oleh sesetengah pihak seperti pencerobohan secara tidak sengaja dengan menggali atau berlaku hakisan tanah yang teruk.

Bekas jurutera projek Petronas Gas Berhad (PGB), Tan Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir berkata, ketebalan dan kualiti paip saluran gas itu direka khas untuk memastikan ketahananannya dalam jangka masa panjang, memandangkan ia tidak boleh diganti setiap 10 tahun akibat kos yang terlalu tinggi.

Katanya, tempoh jangka hayat paip saluran gas itu melebihi 50 tahun dan ia tidak sampai kepada tempoh itu lagi.

Beliau yang pernah menjawat jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad (PDB) berkata, selain faktor jangka hayat, kebocoran pada saluran paip juga boleh berlaku akibat pencerobohan di kawasan *Right of Way* (ROW) tanpa pemantauan rapi daripada Petronas atau pergerakan tanah seperti tanah runtuh yang berpotensi memberi tekanan berlebihan pada paip.

"Tidak mungkin paip itu pecah dengan sendirinya kecuali



ANGGOTA Bomba dan Penyelamat meninjau keadaan semasa lokasi kejadian kebakaran paip gas Jalan Putra Harmoni di Putra Heights semalam. - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON

jika seseorang secara tidak sengaja menggali atau berlaku hakisan tanah yang teruk," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejurute-

raan Kimia dan Tenaga, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Madya Dr. Kamarizan Kidam tidak menafikan kemungkinan terdapat pencerobohan pada tanah yang diwartakan sebagai kawasan be-

risiko tinggi dan telah berpagar.

Katanya, saluran paip gas tersebut direka bentuk dengan baik namun, masalah utama yang timbul adalah pencerobohan ke kawasan yang telah diwartakan sebagai ka-

wasan berisiko tinggi oleh pihak pemaju dan kontraktor.

"Kes ini tertakluk kepada dua undang-undang utama, iaitu Peraturan Kawalan Bahaya Kemalangan Besar Industri 1996 (CIMA Regulations 1996) dan Peraturan Reka Bentuk dan Pengurusan Kerja Pembinaan 2024 (GWDM Regulations 2024)," katanya.

CIMA 1996 bertujuan mengawal kejadian kemalangan besar seperti ini dengan memastikan pengendali gas bertanggungjawab dalam menyelenggara dan menguruskan pemasangan gas dengan baik.

Sementara itu, GWDM 2024 ditetapkan untuk pemaju, pereka bentuk dan kontraktor dalam projek pembinaan, bagi memastikan keselamatan pekerja serta orang awam sepanjang proses pembinaan.

"Dalam insiden ini pemaju atau pelanggan yang melanggar Peraturan 4CWDM 2024 kerana gagal memastikan kontraktor tidak mencero boh kawasan berisiko tinggi, iaitu saluran paip gas."

"Peraturan ini mewajibkan pemaju untuk mengenal pasti semua bahaya berkaitan pembinaan sebelum kerja-kerja dijalankan bagi mengelakkan sebarang risiko yang boleh mengancam keselamatan," katanya.

Sukaruntut pampasan jika pihak bertanggungjawab belum dikenal pasti

SINAR HARIAN

SHAH ALAM - Mangsa kebakaran paip gas di Putra Heights tidak boleh membuat sebarang tuntutan pampasan selagi belum mengenal pasti pihak bertanggungjawab dalam insiden tersebut.

Peguam, M Hafiz Zainul Abidin berkata, ia kerana siasatan perlu membuktikan pihak yang bersalah dalam insiden tersebut bagi membolehkan mangsa membuat tuntutan ganti rugi kepada mereka.

"Dalam kes ini, walaupun paip gas itu di bawah Petronas, tetapi siapa yang sebenarnya bertanggungjawab dalam kecuaian itu?"

"Jadi tuntutan ganti rugi boleh dibuat kepada pihak Petronas atau pemaju yang terlibat," katanya kepada Sinar Harian.

Ujar beliau, mangsa perlu menyatakan

jumlah kerugian dan butiran yang dikemukakan dalam proses tuntutan tersebut termasuk harta benda, kecederaan fizikal dan mental.

Menurutnya, kerugian dari segi harta benda itu meliputi rumah, kenderaan, barang berharga dan premis yang terjejas akibat kebakaran berkenaan.

"Kecederaan fizikal contohnya jika mangsa sakit sehingga kulit luka, mengalami masalah pernafasan atau sebagainya, kena dapatkan laporan perubatan sebagai bukti.

"Selain itu, mangsa juga boleh berisiko mengalami kesan dari segi mental seperti



M HAFIZ

trauma jangka panjang termasuk Gangguan Tekanan Selepas Trauma (PTSD)," ujarnya.

Kata beliau, meskipun tidak mempunyai insurans, mangsa masih boleh memfailkan tuntutan kerugian kepada pihak bertanggungjawab.

Bagaimanapun tuntutan perlu dilakukan secepat mungkin memandangkan kesan kecederaan dan trauma mungkin berkurangan dan sukar dibuktikan.

"Lebih baik tuntutan awal dari segi kerugian harta benda dan kesan kecederaan yang dialami itu. Jika melalui mahkamah,

proses tuntutan itu mungkin mengambil masa," menurutnya.

Tambah beliau, kerajaan dicadangkan supaya mewujudkan satu badan tribunal khas bagi menguruskan tuntutan kerugian melibatkan kes tersebut.

Jelasnya, langkah itu bertujuan menjadi alternatif kepada proses mahkamah yang melibatkan tempoh masa lama dan kos guaman mahal.

"Cadangan itu dapat mempercepatkan urusan tuntutan pampasan mangsa. Bila ada tribunal ini, mangsa hanya perlu kemukakan dokumen tuntutan sahaja tanpa perlukan peguam.

"Jika di mahkamah, mangsa perlu melantik peguam. Itu semua ada kos dan bukan semua orang mampu," tambahnya.

Hasil siasatan mula didedah hari ini

SINAR 414

Akan diumumkan dalam sidang akhbar yang bermula pada Jumaat

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

Hasil dapatan siasatan insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya Selasa lalu akan mula diumumkan hari ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ia akan diumumkan dalam sidang akhbar yang dijadualkan pada Jumaat oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan.

Menurutnya, siasatan itu akan mengambil kira dua sudut pandang iaitu dari segi sebarang unsur jenayah kecuai ataupun semula jadi yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia.

"Yang kedua dari segi siasatan teknikal di ground zero, pihak

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) di bawah Jabatan Kerja Raya akan memulakan carian teknikal di tapak.

"Pada masa ini kita telah ambil maklum semua klip video, laporan maklumat dan akan mula dimaklumkan mulai esok (Jumaat) oleh Ketua Polis Selangor dalam taklimat beliau iaitu dua hari sekali.

"Bermakna setiap hari akan ada sidang media, satu membabitkan dasar, keputusan keseluruhan dan satu yang membabitkan aspek siasatan, sama ada jenayah, kecuai atau aspek teknikal yang akan dibentangkan oleh jabatan terlibat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana di Bangunan SUK Selangor di sini pada Khamis.

Amirudin berkata, menjelang akhir minggu ini, kerajaan negeri akan menentukan penyelesaian yang lebih mampan dan se-



AMIRUDIN

lesa untuk menempatkan penduduk yang belum dapat kembali ke rumah masing-masing setelah mengkaji tawaran daripada Petronas.

"Sementara itu, pejabat saya turut dihubungi oleh syarikat seperti Airbnb yang mampu menawarkan

penyelesaian penempatan sementara waktu tanpa caj kepada penduduk sebelum penempatan jangka masa panjang dapat ditentukan.

"Kesemua opsyen ini akan dipertimbangkan dan ditentukan dalam masa terdekat sementara memberikan ruang sepenuhnya untuk siasatan terperinci berjalan dengan telus," ujarnya.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, seramai 1,254 mangsa daripada 308 keluarga telah dikenal pasti dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dengan dua mangsa sedang menerima rawatan di unit rawatan rapi masing-masing di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Ampang akibat masalah respiratori atau pernafasan.

85 rumah diisytihar selamat, mangsa dibenarkan pulang

SHAH ALAM - Sebanyak 85 rumah yang terlibat dalam kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya telah disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing mulai malam Khamis.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta penyedia utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengesahkan perkara itu melibatkan kawasan di Taman Harmoni dan bekalan air serta elektrik telah disambungkan ke rumah terbabit.

"Pihak Pengerusi

Jawatankuasa Bencana Daerah akan memaklumkan kepada setiap pemilik ini dan mereka diberi peluang untuk pulang ke kediaman masing-masing mulai hari ini (Khamis).

"Dari masa ke masa kita akan lihat balik kerana setakat ini ada lebih kurang 85 rumah yang telah dianggap ataupun diisytihar selamat oleh JBPM," katanya.

Terdahulu, Pegawai Daerah Petaling, Huzunul Khaidil Mohammed dilaporkan berkata, 115 pemilik kediaman yang terjejas dibenarkan masuk ke rumah mereka secara berfasa bermula Khamis bagi tujuan pemeriksaan.

"Selain itu, seramai 630 mangsa daripada 157 keluarga sedang menduduki dua pusat pemindahan sementara (PPS) iaitu di PPS Dewan Serbaguna

Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia manakala baki 624 mangsa melibatkan 151 keluarga lagi tidak menduduki PPS," jelasnya.

Mangsa digesa segera lapor polis

SUBANG JAYA - Mangsa yang terlibat dalam kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini digesa tampil membuat laporan polis bagi membolehkan siasatan dan tindakan susulan dilakukan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihak polis telah membuka kaunter khas bagi memudahkan mangsa membuat laporan berhubung kejadian itu.

"Kita berharap semua mangsa yang terjejas dapat membuat laporan polis dengan segera," katanya dalam sidang akhbar di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di sini pada Khamis.

Pada Rabu, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat dilaporkan berkata, setakat ini sebanyak 66 laporan polis telah diterima.

Laporan itu berkaitan rumah terjejas, terbakar atau alami kesan ledakan iaitu sebanyak 32 laporan, kenderaan terjejas (29), empat laporan cedera dan satu laporan berkaitan tanah lot.

Sementara itu, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke berkata, pihaknya mempermudah urusan mangsa kebakaran dengan membenarkan pencetakan semula dokumen penting kenderaan tanpa perlu membuat laporan polis.

Jelasnya, inisiatif khas ini bertujuan mempercepatkan proses pemulihan mangsa terutama dalam mendapatkan lesen memandu, Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Vehicle Ownership Certificate (VOC) yang diperlukan untuk tuntutan insurans.

"Dalam keadaan biasa, laporan polis diperlukan bagi mencetak semula dokumen ini. Namun, bagi kes ini, kita memudahkan prosesnya. Mangsa hanya perlu memberikan nama dan nombor kad pengenalan untuk mendapatkan dokumen secara percuma," ujarnya.

Terlalu awal fikir tindakan undang-undang - Wakil penduduk

SINAR HARIAN

SUBANG JAYA - Isu keselamatan kediaman pada masa ini lebih menjadi keutamaan bagi penduduk terlibat dalam kejadian kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini berbanding tindakan undang-undang.

Setiausaha Persatuan Penduduk Putra Harmoni, Peter Lau berkata, pada masa ini penduduk yang kurang terjejas sedang memberi fokus kepada pemeriksaan pendawaian serta tahap keselamatan di kediaman masing-masing.

"Kita serahkan siasatan kepada pihak berkuasa terlebih dahulu, kita uruskan kemasukan penduduk secara berfasa bagi tujuan pemeriksaan keselamatan.

"Tindakan undang-undang masih awal, yang penting isu kebajikan terlebih dahulu," katanya ketika ditemui di Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) pada Khamis.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk Putra Harmoni, Francis Koh meminta agensi penguatkuasaan untuk melibatkan persatuan penduduk pada setiap mesyuarat diadakan.

"Kami perlukan informasi untuk disampaikan kepada penduduk, mereka kurang informasi dan disebabkan ini mereka terganggu serta risau. Saya harap pihak berkuasa bekerjasama dengan persatuan penduduk kerana kami ada semua data penduduk termasuk haiwan peliharaan mereka.

"Kami juga sedia membantu mana-mana penduduk yang mempunyai sebarang masalah," jelasnya.



PETER LAU

Mangsa kebakaran Putra Heights baharui dokumen JPJ tanpa laporan polis

SUBANG JAYA: Mangsa insiden kebakaran paip gas Putra Heights boleh memperbaharui lesen memandu, lesen kenderaan motor dan sijil pemilikan kenderaan mereka tanpa perlu membuat laporan polis.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, langkah itu sebagai proses pemudah cara untuk mangsa mendapatkan semula dokumen berkenaan yang dibuat secara percuma.

"Hari ini kami memudahkan urusan proses dengan hanya memberikan nama dan nombor kad pengenalan diri mereka untuk mencetak kad lesen yang baharu.

"Kami juga menggerakkan Prasarana menerusi enam van mereka di pusat pemindahan sementara (PPS) ini. Van ini akan berpangkalan di sini untuk membantu mangsa apabila mereka dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

"Van ini juga boleh bergerak ke stesen-stesen Transit Aliran Ringan (LRT) atau tempat mengikut keperluan situa-



Syarikat Carro bersetuju menyediakan 30 kenderaan tambahan bagi kegunaan mangsa."

si mereka," katanya ditemui di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights semalam.

Loke berkata, syarikat Carro bersetuju menyediakan 30 kenderaan tambahan bagi kegunaan mangsa.

"Mangsa yang memerlukan kenderaan tersebut boleh mendaftar sambil melihat keperluan mereka

"Saya turut dihubungi Pengerusi Yayasan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan untuk men-donorkan RM3,000 kepada setiap keluarga mangsa secara tunai dengan kadar segera," katanya.

'Mudah, jimat masa perbaharui dokumen peribadi'

SINAR
414

SUBANG JAYA: Mangsa kebakaran paip gas Putra Heights mengambil peluang memperbaharui dokumen pengenalan diri di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dekat pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights.

Zuraidah Zaibdin, 46, hanya sempat membawa dua dokumen pengenalan diri anaknya yang masih kecil ketika pulang beraya di kampung baru-baru ini.

"Saya tergerak hati untuk membawa dua dokumen pengenalan diri itu, bagi memudahkan proses ke hospital sekiranya mereka sakit.

"Sewaktu kejadian berlaku saya berada di kampung di Taiping, Perak. Sebelum tinggalkan rumah, firasat saya untuk ambil surat beranak kedua-dua anak saya yang kecil kerana mereka belum ada MyKid," katanya.

Sementara itu, Muhammad Adam, 28, berkata, proses permohonan semula dokumen pengenalan diri berjalan lancar.

Dia yang mengalami keru-



MUHAMMAD ADAM

gian penuh termasuk rumah, kenderaan dan dokumen penting bersyukur atas usaha berkenaan.

"Saya ada 10 ahli keluarga yang tinggal di sana. Semua dokumen terbakar, termasuk kad pengenalan dan sijil kelahiran ahli keluarga saya dan memang tidak sempat menyelamatkan apa-apa," katanya.

Nicholas Ng, 41, berkata, inisiatif itu amat membantu terutama mereka yang kehilangan semua dokumen dalam insiden kebakaran tersebut.

"Kami sekeluarga terdiri daripada lima orang, berjaya mendapatkan semula kad pengenalan dan sijil kelahiran dalam tempoh kurang dari setengah jam," katanya.

Sementara itu, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menjangka lebih 500 orang mangsa kebakaran paip gas di Putra Heights, akan memperbaharui dokumen kad pengenalan diri dan surat beranak mereka.

Pengarah JPN Selangor, Muhammad Hafiz Abdul Rahim berkata, buat masa ini, mangsa insiden kebakaran di PPS diberikan keutamaan terlebih dahulu, manakala orang luar boleh datang tetapi digalakkan melakukannya di pejabat JPN.

'Saya hilang segala-galanya'

KAJANG: "Semua rumah sewa itu adalah sumber pendapatan saya. Sekarang saya hilang segala-galanya."

Demikian keluhan seorang mangsa, Zainuddin Abdul Halim, 60, selepas lapan buah rumah sewa dan sebuah kediamannya miliknya yang terletak di Kampung Kuala Sungai Baru rosak teruk akibat letupan dan kebakaran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, pada Selasa lalu.

Dalam kejadian itu, sebanyak 237 kediaman dan lebih 100 kenderaan musnah serius akibat bahang yang melampau.

Menurut Zainuddin, dirinya hanya mampu reda dengan kehilangan harta tersebut dan bersyukur masih selamat dari tragedi kebakaran tersebut.

"Semua rumah sewa itu adalah sumber pendapatan saya. Sekarang saya hilang segala-galanya."

"Walaupun kehilangan tersebut amatlah besar bagi saya, tetapi saya masih bersyukur dipanjangkan usia untuk bernafas di dunia ini", katanya ke-

ZAINUDDIN
Abdul Halim menunjukkan foto rumahnya yang terbakar ketika ditemui di Hospital Serdang, semalam.



pada Utusan Malaysia.

Menurutnya, kebakaran yang berlaku begitu pantas sehingga tidak memberi peluang untuknya menyelamatkan sebarang barang berharga atau dokumen penting.

"Apabila saya mendengar bunyi letupan kebakaran terse-

but, saya terus bergegas untuk memberitahu kepada ahli keluarga yang lain untuk berlari keluar daripada rumah.

"Saya tidak sempat untuk mengambil sebarang dokumen seperti sijil lahir dan sebagainya, kerana apa yang ada di dalam fikiran saya hanyalah

untuk menyelamatkan diri dan keluarga," katanya.

Selain kehilangan sumber pendapatan, Zainuddin juga berhadapan dengan trauma akibat tragedi itu.

"Bahang kebakaran tersebut amatlah panas sehingga saya terpaksa menutup kepala saya dengan baju. Kesan bahang tersebut meninggalkan parut luka di belakang badan saya ketika ingin cuba melarikan diri," katanya dengan nada sedih.

Katanya, buat masa sekarang dia menetap di rumah anaknya di Seksyen 10, Shah Alam sambil menunggu ahli keluarganya seramai tiga orang yang masih menerima rawatan di hospital.

Kebakaran yang dipercayai berpunca daripada letupan saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni itu telah menyebabkan kemusnahan besar.

Menurut laporan pihak berkuasa, seramai 305 orang menjadi mangsa dengan kebanyakannya mengalami kecederaan akibat melecur serta tersedut asap panas.

55 dokumen diganti, geran tertinggi - JPJ

SUBANG JAYA: Sijil pemilihan kenderaan (VOC) atau geran mencatatkan permintaan tertinggi bagi urusan pembaharuan dokumen oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights, semalam.

JPJ dalam kenyataan memaklumkan, setakat pukul 3 petang semalam 55 dokumen berkaitan JPJ berjaya diproses petugas bagi meringankan beban mangsa insiden kebakaran paip gas Putra Heights, Selasa lalu.

Penggantian dokumen lain adalah 12 Lesen Kenderaan Motorsikal (LKM), 10 Lesen Memandu Kompeten (CDL) dan tiga Lesen Kenderaan Barangan (GDL).

Terdapat empat orang yang melakukan pembaharuan lesen CDL.

Sebanyak 399 kenderaan dilaporkan rosak dalam insiden bencana.



SUKARELAWAN Bulan Sabit Merah Malaysia menyediakan ubat untuk mangsa kebakaran di PPS Masjid Putra Heights, Subang Jaya semalam.
- ISKANDAR ISHAK

Bantuan RM5,000 mula disalur Isnin ini

SHAH ALAM - Bantuan awal sebanyak RM5,000 dan RM2,500 kepada pemilik kediaman yang terjejas akibat tragedi letupan dan kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya, dekat sini akan disalurkan mulai Isnin depan.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara itu selaras dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi meringankan beban penduduk yang terkesan sementara tindakan susulan diambil.

Menurutnya, seramai 308 keluarga daripada 1,254 mangsa telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

"Ada dua kategori iaitu mereka yang berdaftar dan tinggal di PPS, manakala sebahagian ada berdaftar, namun tidak tinggal di PPS.

"Selain itu, terdapat 630 mangsa daripada 157 keluarga sedang menduduki iaitu di PPS

Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia Putra Height," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri, di sini semalam.

Ujar beliau, JKM dan Jabatan Kesihatan Negeri akan mengambil tanggungjawab dalam memurnikan data penduduk yang benar-benar terkesan insiden itu.

Ujarnya, ini supaya tidak timbul sebarang isu mengambil kesempatan atau mereka yang terlepas dan tercicir dalam menerima sokongan dan bantuan yang telah ditetapkan khususnya di Taman Putra Harmoni dan Kampung Kuala Sungai Baru.

"Jadi, untuk maksud tersebut kita akan memurnikan data tersebut dengan diketuai Unit Bencana Daerah atau Pegawai Daerah selaku ketua unit serta bekerjasama dengan JKM, Petronas dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) serta sebagainya," jelas beliau.

Penduduk sayu kediaman tidak lagi sempurna

KOSMO 04/04



SEBAHAGIAN kediaman yang rosak teruk akibat insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya.

SUBANG JAYA - "Saya terima hakikat, raya (Aidilfitri) tahun ini tak sama lagi."

Demikian luahan sayu Shahril Abdul, 56, salah seorang penduduk perumahan di Putra Heights yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas pada Selasa lepas.

Beliau yang pulang ke rumah selepas beberapa hari ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) terpaksa berdepan realiti kediamannya rosak teruk.

"Rumah saya musnah hampir 20 peratus. Saya okey sahaja, tapi sedih sebab tak dapat beraya seperti biasa."

"Selalunya rumah ini jadi tempat tetamu datang beraya, tapi tahun ini, semuanya berubah."

katanya kepada Kosmo! di sini, semalam.

Tragedi itu, katanya, begitu mengejutkan dia sekeluarga dan tidak menyangka kejadian sebegini akan berlaku di kawasan perumahan mereka.

Seorang lagi penduduk yang mahu dikenali sebagai Chow turut berkongsi perasaan pilunya melihat keadaan rumahnya yang rosak teruk akibat bahang kebakaran.

"Tengok rumah musnah... Saya tak dapat bayangkan macam mana keadaannya."

"Semua silikon (bahan diperbuat dari plastik) dalam rumah habis cair, kesannya memang sangat teruk," katanya.

Buat masa ini, Chow bersama

keluarganya diberikan tempat tinggal sementara di hotel berhampiran oleh majikannya.

"Saya bersyukur ada tempat berteduh sementara, tapi saya tetap risaukan keadaan rumah."

"Saya tak tahu berapa lama perlu tinggal di sini dan bagaimana masa depan kami selepas ini," ujarnya.

Kosmo! kelmarin melaporkan, letupan kira-kira 8.10 pagi itu berpunca daripada kebocoran paip gas sekali gus menyebabkan kebakaran di saluran sepanjang 500 meter (m). Kebakaran itu menyaksikan api menjulang sehingga setinggi 30 meter dengan kemusnahan harta benda termasuk kenderaan, namun tiada kehilangan nyawa.

KOSMO

04 APR 2025

Tarikh:

115 pemilik dibenar melawat kediaman secara berfasa

SUBANG JAYA – Pemilik 115 kediaman yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights di sini dibenarkan masuk ke rumah mereka secara berfasa bermula semalam.

Pegawai Daerah Petaling, Huzunul Khaidil Mohammed berkata, fasa pertama melibatkan seramai 41 pemilik rumah di Jalan 1/3A, yang dibenarkan masuk bermula pukul 9.30 pagi bagi tujuan pemeriksaan keselamatan, khususnya melibatkan pendawaian elektrik.

"Jika pendawaian berada dalam keadaan baik, bekalan elektrik akan disambungkan semula.

"Penduduk juga akan menjalani pemeriksaan inventori sebelum dibenarkan menetap

kembali di kediaman mereka," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau menambah, selepas selesai fasa pertama, kemasukan penduduk bagi fasa kedua dan ketiga akan diteruskan mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Salah seorang penduduk, Aziz Jidon, 69, berkata, dia telah dibenarkan masuk ke rumahnya di Taman Putra Harmoni di sini untuk mengambil barang keperluan penting kelmarin, manakala semalam dia diberi peluang untuk membawa keluar kenderaan.

"Jika dibenarkan masuk, saya amat bersyukur sebab banyak barang yang saya nak tengok dirumah.

"Apa-apa keputusan saya ikut sahaja, kalau boleh masuk kita

masuk, terima kasih atas tindakan pantas pihak berkuasa, saya amat hargai," ujarnya.

Sementara itu, Iqman Zikry, 24, berkata, maklumat yang diterima buat masa ini hanya pihak berkuasa menjalankan siasatan mengenai elektrik di rumah.

"Kalau boleh masuk alhamdulillah, terima kasih kepada semua yang memudahkan urusan mangsa," katanya.

Kelmarin, Ketua Polis Daerah Subang Jaya Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat, memaklumkan bahawa Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan menjalankan pemeriksaan akhir pendawaian di kesemua 115 rumah semalam.



SEBAHAGIAN penduduk dibawa menaiki trak untuk masuk ke kawasan perumahan bagi melihat kediaman masing-masing.

KOSMO

04 APR 2025

Tarikh:



KOR MO PIP

Ganti MyKad, lesen, passport percuma

- Agensi kerajaan tawar kemudahan
- Penduduk lega, jimat masa dapatkan dokumen penting

Oleh NABILA NATASHA YUSMADIE dan AMAL HAYATI FAUZI

SUBANG JAYA – Mangsa kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di sini bersyukur apabila dapat memperbaharui dokumen penting yang rosak dan terbakar akibat insiden tidak terduga pada Selasa lalu.

Rata-rata mereka menyifatkan tindakan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang membuka kaunter di pusat pemindahan sementara (PPS) dan Imigresen mampu menjimatkan masa dan mengatasi kekusaran dialami mangsa.

Malah penggantian dokumen secara percuma itu menggambarkan keprihatinan semua pihak terhadap musibah yang melanda lebih 500 mangsa.

Pengarah JPN Selangor, Muhammad Hafiz Abdul Rahim berkata, pihaknya memudahkan proses penggantian dokumen tersebut atas keprihatinan terhadap mangsa insiden.

Katanya, mangsa hanya perlu membawa satu dokumen peribadi yang masih ada bagi mempercepatkan proses penggantian yang dijangka mengambil masa sekitar 30 minit.

"Jika mereka masih memiliki dokumen seperti surat beranak yang terkoyak atau MyKad yang patah, ia boleh dibawa untuk diproses.

"Sekiranya kedua-duanya musnah, mereka hanya perlu memberikan nama penuh dan



SEORANG mangsa kebakaran membuat MyKad baharu di PPS Masjid Putra Heights, Subang Jaya semalam.

nombor MyKad untuk semakan dalam sistem sebelum kami mengeluarkan dokumen baharu," jelasnya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban berkata, mangsa yang pasportnya rosak akibat kebakaran boleh mengemukakan permohonan penggantian pasport tanpa sebarang bayaran di mana-mana pejabat imigresen berdekatan.

"Syarat bagi penggantian pasport percuma ini ialah ia masih sah dengan tempoh sekurang-kurangnya enam bulan.

"Mangsa juga perlu membawa pasport asal (sekiranya masih ada) serta menyerahkan salinan laporan polis, bomba dan pihak berkuasa tempatan," katanya.

Seorang mangsa kebakaran



MASAYUAN TAKBIR melihat tangan anaknya yang melecur akibat kebakaran saluran paip gas pada Selasa lalu.

“

Prosesnya cepat dan efisien, 'siap on the spot'. Sangat membantu sebab banyak benda dah hilang, sekurang-kurangnya ini dapat menjimatkan masa dan memudahkan urusan kami kerana tidak perlu ke pejabat JPN."

saluran paip gas, Nicholas Ng. 41, berkata, proses penggantian dokumen kelahiran dan MyKad itu untuk lima ahli keluarganya hanya mengambil masa kurang setengah jam.

"Prosesnya cepat dan efisien, siap 'on the spot'. Sangat membantu sebab banyak benda dah hilang, sekurang-kurangnya ini dapat menjimatkan masa dan memudahkan urusan kami kerana tidak perlu ke pejabat JPN," katanya.

Seorang lagi mangsa, Muhammad Adam, 28, berkata, proses untuk permohonan semula dokumen pengenalan diri berjalan dengan lancar kerana pihak JPN telah mempermudah urusan mangsa kebakaran.

"Semua dokumen terbakar, termasuk MyKad dan sijil kelahiran ahli keluarga saya. Kami tidak sempat menyelamatkan apa-apa," katanya.

Mangsa lain, Zuraidah Zaidin, 46, pula berkata, dia dan ahli keluarganya berada di kampung di Taiping, Perak sewaktu kejadian dan pulang sebaik mengetahui kediaman mereka terbabit dengan kebakaran itu.

"Anak saya yang melakukan proses pembaharuan dokumen kad pengenalan dan surat beranak untuk ahli keluarga saya," ujarnya.

'Kami perlukan rumah, jaminan'

- Mangsa kebakaran mohon penempatan di kawasan baharu
- Penduduk mahu penilaian menyeluruh sebelum pulang

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD
FUAD dan MUHAMMAD AFNAN
FARIHIN SAMSURI

SUBANG JAYA – Mangsa kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di sini meluahkan rasa gusar untuk kembali menetap di kawasan perumahan berkenaan susulan kejadian yang menimpa mereka Selasa lalu.

Rata-rata mereka yang ditemui memohon pihak bertanggungjawab memberi jaminan keselamatan selain menyediakan kediaman baharu untuk mereka yang tinggal terutama bagi rumah mangsa yang mengalami kerosakan teruk.

Seorang mangsa kebakaran, Robin Yeoh Jin Ghee, 46, berkata, menurut laporan daripada pihak bomba, kediaman yang dihuni sejak 15 tahun lalu musnah 90 peratus akibat insiden yang berlaku kira-kira pukul 8.10 pagi.

"Saya tiada arah, saya tak tahu apa yang mahu dilakukan. Rumah saya dekat sangat dengan tempat kebakaran. Saya rasa memang tak selamat."

"Nak bina semula rumah pun tak tahu masih boleh atau tidak sebab gegaran akibat letupan itu sangat kuat," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dia yang menumpang sementara di rumah kakaknya melahirkan rasa bimbang mengenai masa depan kerana rumah ber-



ATAS: Seorang penduduk dilihat berjalan di hadapan kediaman dan kenderaan yang rosak teruk susulan insiden kebakaran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Subang Jaya semalam.

KIRI: Robin berharap pihak kerajaan dapat membantu mangsa kehilangan rumah akibat kebakaran yang bertaku pada Selasa lalu.

kenaan masih dalam tempoh pinjaman bank.

"Saya masih ada 15 tahun lagi untuk bayar pinjaman rumah ini. Nak beli rumah baharu memang tak mampu. Tapi kalau sewa pun, itu beban besar. Saya harap ada

subsidi atau bantuan untuk kami yang hilang segalanya," luahnya.

Seorang lagi mangsa yang ingin dikenali sebagai Francis, 63, berkata, penduduk mahu penilaian menyeluruh sebelum membuat keputusan untuk terus tinggal di kawasan berkenaan atau sebaliknya.

Malah katanya, pihak bomba dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga diharap dapat melakukan pemeriksaan rapi serta pemantauan berterusan.

"Selagi belum masuk dan belum guna rumah ini, kami tak yakin untuk menghuninya semula. Kami hanya berharap semuanya okey dan boleh kembali dengan selamat."

"Kami bukan sekadar perlukan rumah kami perlukan rasa selamat untuk kembali meneruskan hidup," katanya.

Berkongsi kerisauan sama, mangsa lain, Chan Weng Hoi, 64, memberitahu, dia kini tinggal bersama anaknya di Damansara dan tidak pasti sama ada masih boleh menetap di rumah berkenaan selepas ini.

"Rumah saya siling runtuh, tingkap pecah, elektrik tak ada dan paip air bocor. Saya takut, berani ke duduk sini lagi? Kalau berlaku lagi macam mana? Saya ada satu rumah sahaja. Kalau kerajaan kata boleh tinggal, saya ikut. Tapi hati saya tak tenang," ujarnya.

Weng Hoi berkata, dia berharap kerajaan dapat mengemukakan penyelesaian yang lebih jelas mengenai masa depan penduduk di Putra Heights, termasuk soal keselamatan dan bantuan perumahan.

"Jalan pun dah teruk. Kami perlukan rumah sementara. Kami perlukan kepastian... apakah rancangan seterusnya untuk kami?" katanya.

Siapa ceroboh?

DARI MUKA 1

Beberapa individu juga mempersoalkan bagaimanapun projek tersebut yang terletak di kawasan rizab saluran paip gas boleh dilakukan.

Setakat semalam, lebih 400 penduduk ditempatkan di dua pusat pemindahan sementara (PPS), manakala lebih 100 mangsa menerima rawatan.

Seorang penduduk dikenali sebagai Lim Sian See mendakwa, selepas insiden kebakaran itu berlaku, Datuk Bandar Subang Jaya memaklumkan bahawa projek berkenaan telah mendapat kelulusan merancang (KM).

Ujarnya, namun selepas KM diperolehi, tanggungjawab membina infrastruktur seperti air, elektrik, jalan, saluran dan sebagainya terletak di bahu kontraktor dan perunding projek.

Lim berkata, sambungan utiliti dilakukan ke laluan sedia ada yang paling hampir.

"Masalahnya, pembangunan ini kecil dan hanya melibatkan 10 unit kedai di atas tanah kecil yang bersebelahan dengan saluran paip gas Petronas."

"Bagi menyambungkan utiliti ke kediaman berhampiran Topaz, kontraktor perlu melintasi kawasan rizab Petronas."

"Saya sendiri melihat kerja sambungan ini dilakukan secara pengorekan terbuka. Dalam tempoh dua bulan lepas, kawasan jalan ini telah dikorek berkali-kali untuk sambungan air dan Tenaga Nasional Berhad," dakwanya.

Tambah Lim, kali terakhir dia menyaksikan sendiri proses pen-



KESAN kemusnahan akibat insiden kebakaran dan letupan saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya semalam. - SHIDDIQIN ZON

gorekan tersebut adalah pada 31 Mac lalu, ketika dalam perjalanan ke Pesta Buku KLCC.

"Sebuah jentera pengorek bekerja betul-betul di atas rizab Petronas dan hanya berhenti seketika untuk memberi laluan kepada saya," katanya.

Dalam pada itu, Lim berharap para penduduk diberikan prosedur nasional yang jelas serta langkah demi langkah apabila tragedi seperti ini berlaku.

Dia juga menyeru agar para peguam boleh menyemak dan

pastikan sama ada prosedur dan tanggungjawab keselamatan dipatuhi.

"Jika isu ini tak diuruskan dengan betul, ia akan jadi krisis imej nasional."

"Saya mangsa. Saya nampak sendiri api menjulang ke langit, macam gunung berapi. Kami hanya ada beberapa minit untuk lari. Suhu begitu tinggi, semua plastik dan kereta cair macam ais krim. Bolehkah rumah-rumah ini dibaiki?"

"Saya harap pihak berkuasa

dapat melihat isu ini dari kaca mata rakyat. Kami tak mahu sekadar tampal lubang. Kami mahu penyelesaian menyeluruh," katanya.

Terdahulu, seorang individu turut berkongsi video rakaman kamera papan pemuka yang menunjukkan kehadiran jentera pengorek didakwa dalam kawasan jajaran paip gas berpagar.

Rakaman itu dibuat beberapa hari sebelum tragedi kebakaran saluran paip gas di Putra Heights. Berdasarkan video berkenaan,

jas menunjukkan kerja-kerja pengorekan tanah melangkaui kawasan berpagar.

Rakaman dipercayai bertarikh 28 Mac itu dimuat naik oleh pengguna TikTok, mliiraahz dan memaparkan jentera pengorek berada tidak jauh dari lokasi kerja pengorekan tanah di tepi jalan.

Selain itu, turut tular ialah tangkap layar perbualan WhatsApp yang mendakwa berlaku pencerobohan tanah rizab Petronas sebelum kebakaran itu tercetus.

Berdasarkan tangkap layar tersebut, ia memaparkan perbualan antara dua individu mengenai pencerobohan yang berlaku.

"Masuk rizab Petronas dah. Kena report ni Petronas. Dia tercucuk paip tu meletup sampai rumah kau nanti," antara petikan perbualan dari tangkap layar tersebut.

Sebelum ini, polis memaklumkan akan menyiasat dakwaan yang mengaitkan punca kebakaran saluran paip gas di Putra Heights Subang Jaya disebabkan oleh kerja mengorek di tanah rizab Petronas.

Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan dilaporkan berkata, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta Petronas akan melakukan pemeriksaan di kawasan-kawasan tertentu bagi mengenal pasti punca sebenar kebakaran berkenaan.

"Kita akan siasat semua itu dan jika benar ada korek tanah, kita nak tahu siapa yang korek," katanya.

KOSMO

04 APR 2025
Tarikh:

Rumah, kereta mangsa mungkin tidak dilindungi insurans

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA - Memasuki hari ketiga tragedi letupan dan kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di Subang Jaya, timbul polemik baharu jika mangsa yang kerugian harta benda tidak dilindungi insurans.

Pengerusi Pertubuhan Bertindak Peguam dan Intelek Kelantan, Nik Saiful Adli Burhan berkata, ia kerana kebocoran gas bukanlah suatu kejadian yang lazim atau boleh dijangka berlaku di bawah polisi insurans standard.

"Insiden seperti ini mungkin tidak termasuk dalam perlindungan biasa dan hanya boleh dituntut di bawah perlindungan khas (*special perils*) yang tidak diambil kebanyakan pemilik harta.

"Dalam menilai hak tuntutan mangsa, rujukan akan dibuat kepada Akta Bekalan Gas 1993 dan prinsip liabiliti ketat atau mutlak (*strict liability*) terhadap penyelenggaraan paip gas oleh Petronas.

"Juga perlu lihat *neighbourhood principle* bagi menentukan kewajipan penjagaan (*duty of care*) dan siapa pihak yang telah melanggarnya, apa kewajipan dilanggar? Akta Bekalan Gas 1993 menetapkan tanggungjawab pihak yang menguruskan bekalan gas termasuk aspek keselamatan dan penyelenggaraan infrastruktur," katanya dalam kenyataan semalam.

Ujarnya, Seksyen 30 menyatakan bahawa pemegang lesen (seperti Petronas) bertanggungjawab untuk memastikan pemasangan, pengendalian, dan penyelenggaraan sistem gas di-



ANTARA kenderaan penduduk yang musnah dalam letupan dan kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya Selasa lalu.

lakukan dengan selamat.

"Bagi Seksyen 32 memperuntukkan penalti terhadap pihak yang gagal mengambil langkah-langkah wajar dalam memastikan keselamatan awam. Berdasarkan peruntukan ini, Petronas sebagai pemegang lesen mungkin mempunyai tanggungjawab untuk memastikan sistem paip gasnya tidak menimbulkan bahaya kepada penduduk sekitar.

"Sekiranya terbukti terdapat kecuaiian dalam penyelenggaraan atau pemantauan paip gas, bukan sahaja denda dan penalti boleh dikenakan, tapi mangsa yang terkesan boleh menuntut ganti rugi atas kerugian yang dialami di mahkamah," katanya.

Ujarnya, Malaysia menggunakan Doktrin Strict Liability; Doktrin liabiliti ketat atau mutlak (*strict liability*) iaitu bermaksud bahawa pihak yang terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi (seperti bekalan gas) bertanggungjawab ke atas sebarang kerosakan yang berlaku akibat aktiviti tersebut, walaupun tiada kecuaiian secara langsung dibuktikan.

"Petronas sebagai penyedia gas mempunyai kewajipan mutlak memastikan keselamatan paip gas. Jika berlaku kebocoran yang menyebabkan kemudaratan kepada orang awam, Petronas boleh dipertanggungjawabkan walaupun telah mengambil langkah-langkah berjaga-jaga," katanya.

Penduduk buntu, rayu penempatan baharu

Kosmo
11/4

SUBANG JAYA: Penduduk Taman Harmoni, Putra Heights buntu tiada tempat berteduh selepas kediaman mereka terbabit dalam kebakaran paip gas, Selasa lalu.

Penduduk, Robin Yeoh Jin Ghee, 46, hilang arah dan tidak tahu apa yang patut dilakukan selepas kediamannya musnah 90 peratus.

Dia yang sudah menetap di kawasan itu sejak 15 tahun lalu berkata, rumahnya paling terjejas berikutan sangat dekat dengan tempat kebakaran.

"Nak bina semula rumah pun tak tahu sama ada boleh atau tidak," katanya ditemui di sini semalam.

Robin menumpang di rumah kakaknya sementara mencari jalan keluar meneruskan kehidupan.

"Saya masih ada 15 tahun lagi untuk bayar pinjaman rumah ini. Nak beli rumah baharu memang tak mampu.

"Nak menyewa pun beban be-

sar, jadi saya harap ada subsidi atau bantuan untuk kami yang hilang segalanya," katanya.

Mangsa, Chan Weng Hoi, 64, turut bimbang akan masa depannya selepas kediamannya mengalami kerosakan teruk.

"Kalau banding dengan rumah lain, rumah saya masih baik, tetapi tetap ada kerosakan, siling runtuh, tingkap pecah, elektrik tak ada dan air bocor," ujarinya.

Dia yang kini menumpang di rumah anaknya, mengakui ragu-ragu untuk kembali ke kediamannya di Putra Heights.

"Kalau berlaku lagi macam mana? Saya ada satu rumah sahaja. Kalau kerajaan kata boleh tinggal, saya ikut. Tapi hati saya tak tenang.

"Kami perlukan rumah sementara dan perlukan kepastian, apakah rancangan seterusnya untuk kami?," katanya.

Chan berharap kerajaan tampil

dengan penyelesaian lebih jelas mengenai masa depan penduduk, terutama berkaitan aspek keselamatan dan bantuan perumahan.

Seorang lagi mangsa yang mahu dikenali sebagai Francis, 63, berasa serba salah kerana kediamannya mengalami kerosakan kecil tetapi masih menimbulkan kebimbangan.

"Kami perlukan penilaian menyeluruh sebelum buat keputusan," jelasnya.

Dia berharap pihak bomba dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) dapat menjalankan pemeriksaan rapi bagi memastikan keselamatan mereka sebelum kembali ke rumah masing-masing.

"Selagi belum masuk dan belum guna rumah ini, kami tak yakin untuk menghuninya semula.

"Kami bukan sekadar perlukan rumah, kami perlukan rasa selamat untuk kembali meneruskan hidup," katanya.

Rujuk JKM sebelum buat sumbangan barangan

SUBANG JAYA: Orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diminta menyemak senarai barangan keperluan bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terlebih dahulu sebelum memberikan sebarang sumbangan.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, ia berikutan pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights kini dipenuhi barangan yang tidak terpakai oleh mangsa kebakaran paip gas.

"Sebagai makluman, kita hentikan seketika sumbangan pakaian terpakai kerana ada yang tidak sesuai untuk diberikan kepada mangsa dan ia memerlukan kerja pengasingan.

"Disebabkan banyak bantuan yang diberikan, maka kita akan menghantar wakil Wan-

ita Budaya Selangor (WBS) untuk membuat penyusunan agar lebih teratur bagi memudahkan urusan ambil bantuan.

"Di JKM juga ada senarai barangan yang diperlukan, adalah lebih baik mana-mana NGO untuk rujuk JKM terlebih dahulu berbanding hanya menghantar barangan yang tidak diperlukan," katanya ketika ditemui pemberita di sini semalam.

Terdahulu, jumlah mangsa di PPS Masjid Putra Heights mencatatkan penurunan setakat pukul 8 malam tadi.

Berdasarkan status terkini PPS Selangor, sejumlah 306 mangsa direkodkan daripada 80 keluarga berbanding 323 mangsa daripada 84 keluarga pada pukul 6 petang semalam.

Jumlah itu membabitkan 97 lelaki, 110 wanita, 95 kanak-kanak dan empat bayi.

KOSMO

Tarikh: 04 APR 2025

CAP menuntut tubuh RCI siasat kebakaran saluran paip gas

GEORGE TOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat insiden kebakaran paip gas di Putra Heights pada 1 April lalu.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, RCI diperlukan bagi mengenal pasti punca kejadian serta memastikan insiden seumpama ini tidak berulang di masa hadapan.

"Kita mahu tahu mengapa mekanisme keselamatan automatik gagal berfungsi dan bagaimana paip gas boleh diletakkan begitu

hampir dengan kawasan perumahan.

"Siasatan menyeluruh diperlukan untuk menentukan sama ada berpunca daripada kesilapan manusia, kecuai, kegagalan peralatan atau unsur sabotaj," katanya di sini semalam.

Menurut Mohideen, RCI juga perlu meneliti pematuhan protokol keselamatan oleh pihak berkaitan seperti Petronas, pengurusan stesen minyak serta pihak berkuasa yang terlibat.

"Jika didapati terdapat unsur kecuai, tindakan undang-undang atau disiplin harus diambil,"

katanya.

Mohideen berkata, penubuhan RCI juga akan meningkatkan ketelusan siasatan dan mengelakkan penyebaran maklumat tidak tepat atau spekulasi mengenai punca kejadian.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) juga perlu disiasat kerana mereka bertanggungjawab terhadap kelulusan zon pembangunan serta perancangan guna tanah di kawasan itu.

"Bagaimana paip gas yang membawa bahan mudah terbakar boleh diluluskan dekat kawasan perumahan," katanya.



PASUKAN keselamatan membuat kawalan di kawasan yang terjejas dengan insiden kebakaran dan letupan saluran paip gas semalam.

85 pemilik dibenar pulang ke rumah

- Kediaman telah didapati selamat
- Sambungan asas bekalan elektrik, air pulih

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Seramai 85 pemilik rumah yang terkesan akibat tragedi letupan dan kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing bermula semalam.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, ini selepas kediaman mereka didapati selamat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Tenaga Nasional Berhad serta utiliti lain.

"Ada sambungan asas bekalan elektrik dan air di unit-unit tersebut. Pihak Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah akan memaklumkan kepada setiap pemilik itu dan diberikan peluang kepada mereka mulai hari ini (semalam).

"Kebanyakan yang dibenar pulang adalah bagi kawasan Taman Putra Harmoni," katanya pada sidang akhbar di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri, di sini semalam.

Katanya, daripada 235 rumah rosak didapati terdapat 105 telah diisytiharkan selamat oleh JBPM, setakat semalam, namun hanya 85 rumah berkenaan yang telah mendapat bekalan air.

"Dari semasa ke semasa, kita akan lihat dan bagi ruang kepada mereka untuk pulang ke rumah masing-masing," tambahnya.



SEORANG mangsa tragedi letupan dan kebakaran saluran paip gas yang menghidap asma dibantu sukarelawan kesihatan di PPS Masjid Putra Heights, Subang Jaya semalam. — ISKANDAR ISHAK

108 laporan diterima, dijangka bertambah dari semasa ke semasa

Subang Jaya: Polis Diraja Malaysia (PDRM) sudah menerima 108 laporan berkaitan insiden letupan paip gas bawah tanah di Putra Heights, di sini, Selasa lalu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah berkata, kebanyakan laporan itu membabitkan kerosakan dialami mangsa susulan insiden terbabit.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Lenggong juga menjangkakan, jumlah laporan

berkaitan insiden itu akan bertambah dari semasa ke semasa.

"KDN melalui PDRM komited membantu mangsa dan mengawal situasi supaya tidak berlaku kes kecurian (di lokasi kejadian).

"Setakat ini kita dimaklumkan tiada kes kecurian yang berlaku di situ dengan keseluruhan laporan ini membabitkan kedua-dua lokasi letupan," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Pada masa sama, menurut Shamsul Anuar, kerajaan terus komited membela nasib mangsa insiden itu dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan secara percuma, termasuk penggantian dokumen pengenalan diri.

"Perkhidmatan itu ditawarkan menerusi Bas ME-

KAR dan van bergerak yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS).

"Mangsa berpeluang menggantikan kad pengenalan, sijil lahir dan dokumen penting lain yang akan diberikan secara terus di PPS sejurus keseluruhan proses berkenaan selesai," katanya.

Menurut beliau, operasi membabitkan kira-kira 30 pegawai dan kakitangan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang bermula semalam.

"Setakat hari ini (semalam), kita sudah terima dan menyelesaikan 19 gantian kad pengenalan dan 43 cadutan sijil kelahiran dan angka ini dijangka bertambah dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau turut menasihati masyarakat supaya tidak

membuat spekulasi atau andaian berkaitan insiden terbabit malah diminta memberi ruang secukupnya kepada pihak berkuasa untuk melengkapkan siasatan.

Kata beliau, tindakan menerusi peruntukan perundangan sedia ada juga akan diambil ke atas mana-mana pihak yang dikenal-pasti mengambil kesempatan atau membuat sesuatu perkara yang boleh menimbulkan ketegangan.

"Setakat ini kita dimaklumkan tiada kes kecurian berlaku di situ"
Shamsul Anuar

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

'Lawan' bahang 1,000 darjah celsius!

Oleh Redzuan Muharam

redzuan.muharam@hmetro.com.my

Sepang

Bahang akibat suhu mencecah 1,000 darjah celsius antara cabaran dilalui pegawai bomba, Eklın Amit, 31, ketika mengikuti misi menyelamatkan mangsa dan memadam kebakaran saluran paip gas bawah tanah yang meletup di Putra Heights, Subang Jaya, Selasa lalu.

Bagaimanapun, Eklın yang berkhidmat sebagai anggota bomba dari Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM) di Balai Bomba dan Penyelamat KLIA, di sini, menyahut cabaran itu demi menyempurnakan tugas diamanahkan.

Pengalaman ketika bertugas dalam misi itu dikongsikan Eklın menerusi hantaran video di Facebook (FB) miliknya dengan satu daripada yang menarik perhatian warganet adalah vi-



deonya menyelamatkan anjing di sebuah rumah mangsa.

"Walaupun sudah biasa terbabit dengan kerja pemadaman api, misi kali ini berbeza dan pengalaman yang mahal buat saya kerana bahangnya cukup panas, tidak seperti kebakaran lain.

"Kami bekerja sebagai satu pasukan dan selain

membantu mangsa, saya dapat menyelamatkan anjing dan kucing peliharaan penduduk. Video yang saya kongsikan di FB dirakam ketika menemukan seekor anjing di rumah penduduk.

"Mulanya, saya sangka anjing itu sudah mati. Namun rupanya ia masih hidup, cuma nampak le-

mah dan ketakutan. Kami bawa anjing itu ke lokasi selamat untuk diberi minum air serta sejukkan badannya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, keadaan kucing peliharaan yang ditemukan juga menyentuh hatinya dan dia bersyukur kerana dapat menyelamatkan haiwan berkenaan.



EKLIN terbabit dalam misi menyelamatkan mangsa dan memadam kebakaran saluran paip gas di Putra Heights.



SEBAHAGIAN penduduk Putra Harmoni dibawa menaiki trak untuk memeriksa kediaman mereka.



PENDUDUK membawa barangan yang berjaya diselamatkan.



KEADAMAN semasa kediaman penduduk dan sebuah kenderaan yang musnah di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, semalam.

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor, Muhamad Lokman Khairi dan Nur Alif Hazmi Suffian
hafidzul@hmetro.com.my

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

MASUK RUMAH BERFASA

Penduduk terjejas dibenar ambil barangan, buat pemeriksaan pendawaian elektrik

Subang Jaya

Pemilik kediaman yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, di sini, dibenarkan masuk ke rumah mereka secara berfasa bermula semalam. Penduduk, Aziz Jidon, 69, berkata, pada masa sama, kelmarin, dia turut dibenarkan masuk ke rumahnya di Taman Putra Harmoni untuk mengambil barangan penting.

"Hari ini (semalam), saya sekali lagi diberi peluang untuk membawa keluar kenderaan.

"Apa-apa keputusan saya ikut sahaja, kalau boleh masuk kita akan masuk. Terima kasih atas tindakan pantas daripada pihak berkuasa, saya amat hargai," katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Petaling Huzunul Khaidil Mohammed berkata, fasa pertama membolehkan 41 pemilik rumah di Jalan 1/3A, yang dibenarkan masuk bermula jam 9.30 pagi, untuk tujuan pemeriksaan kesela-

matan, khususnya membabitkan pendawaian elektrik.

"Jika pendawaian berada dalam keadaan baik, bekalan elektrik akan disambung semula.

"Penduduk juga akan menjalankan pemeriksaan inventori sebelum dibenarkan menetap kembali ke kediaman mereka," katanya ditemui.

Beliau berkata, selepas selesai fasa pertama, memasuki penduduk bagi



Jika pendawaian berada dalam keadaan baik, bekalan elektrik akan disambung semula"

Huzunul Khaidil

fasa kedua dan ketiga akan diteruskan mengikut prosedur yang sudah ditetapkan.



KEADAMAN semasa lokasi letupan paip gas di Putra Heights.



KEROSAKAN teruk kenderaan penduduk berhampiran lokasi kebakaran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights.

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

'KERETA, TIGA MOTOR SAYA CAIR'

Penduduk kongsi detik cemas dialami ketika cuba selamat diri

Putra Heights

"Saya hanya mampu merangkak dan berlari, bahangnya terlalu panas. Saya cuba menyelamatkan barangan di rumah, namun gagal akibat bahang."

"Kereta saya, tiga motosikal semuanya cair. Rumah pun hangus, yang tinggal hanya motosikal yang saya tunggang dan pakaian dipakai ketika kejadian."

Demikian luahan pemandu lori, Mohd Azmi Ab Wahab, 48, yang juga mangsa dalam kejadian letupan gas di Putra Heights, Subang, Selasa lalu.

Menurut Mohd Azmi, ketika kejadian, dia dalam perjalanan pulang ke rumah di Kampung Kuala Sungai Baru, kawasan yang dikatakan paling hampir dengan lokasi letupan.

"Saya berada kira-kira 500 meter dari rumah apabila tiba-tiba terdengar letupan. Gegeran terasa sampai ke badan dan sebaik saya menoleh, saya nampak api menjulang ke udara menyebabkan saya terjatuh daripada motosikal."

"Ramai individu berlari keluar dari rumah malah ada yang memecut kende-



HARTA benda penduduk musnah akibat resapan haba.



raan masing-masing dari lokasi berkenaan.

"Api cukup marak dan bahangnya sangat panas. Saya mahu menyelamatkan kereta dan motosikal, tetapi terlalu bahang, ia menyebabkan saya tidak dapat masuk ke rumah," katanya.

Akibat kejadian, Mohd

Azmi melecur di lengan kiri selain mengalami luka kecil akibat terjatuh daripada motosikal. Dia mendapatkan rawatan awal di Masjid Kampung Tengah.

"Penduduk setempat bantu beli ais untuk rawat luka sementara tunggu bantuan perubatan. Ramai yang cedera, ada yang lebih



Ramai individu berlari keluar dari rumah malah ada yang memecut kenderaan masing-masing dari lokasi berkenaan"

Mohd Azmi

teruk daripada saya," katanya.

Sehingga kini, katanya, dia masih belum dapat meninjau keadaan rumahnya, namun berdasarkan gambar yang ditunjukkan kepadanya, dia menjangkakan kediaman berkenaan musnah sepenuhnya.

"Alhamdulillah, syukur kerana isteri dan anak-anak selamat kerana mereka pulang ke kampung di Felda Jengka 23, Pahang untuk menyambut Aidilfitri," katanya.

Buat masa ini, dia ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights, bersama mangsa lain yang turut terjejas.

"Saya harap lebih banyak bantuan dapat disalurkan sebab kami sangat memerlukan," katanya.

JPJ bantu mangsa ganti lesen, geran kenderaan percuma

Subang Jaya: Beberapa perkhidmatan secara percuma diberikan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) kepada mangsa letupan paip gas bawah tanah di Putra Heights, di sini.

Menteri Pengangkutan Anthony Loke berkata, ia membabitkan perkhidmatan penggantian lesen memandu, Lesen Kenderaan Motor dan Sijil Pemilikan Kenderaan.

Katanya, ia bertujuan memudahkan urusan mangsa membuat tuntutan insurans selain tiada laporan polis diperlukan untuk mendapatkan perkhidmatan berkenaan.

"Mereka hanya perlu beri



LOKE (kanan) menyerahkan geran kenderaan yang diperbaharui kepada mangsa.

nama dan nombor kad pengenalan masing-masing untuk mencetak semula semua dokumen berkenaan

secara percuma mulai hari ini hingga esok.

"Perkhidmatan ini akan dilanjutkan jika ada keper-



LOKE (tiga dari kiri) menyantuni mangsa kejadian kebakaran saluran paip gas di PPS Masjid Putra Heights, semalam.

luan berbuat demikian," katanya pada sidang media selepas menziarahi pusat pemindahan sementara

(PPS) di Masjid Putra Heights, di sini, semalam.

Kebakaran paip gas di Putra Heights pada Selasa

lalu, menyebabkan kemusnahan besar sehingga memaksa sebahagian penduduk dipindahkan ke PPS.

85 pemilik rumah dibenarkan pulang

Shah Alam: Sebanyak 85 pemilik rumah di Taman Harmoni yang terjejas susulan kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, bermula semalam, selepas ia sudah dipastikan selamat.

Menteri Besar Datuk Seri Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pemeriksaan untuk memastikan rumah berkenaan adalah selamat dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak utiliti lain.

Katanya, saluran utiliti dan air juga sudah disambungkan ke semua rumah berkenaan.

"Bagaimanapun, perumahan di Kampung Kuala Sungai Baru masih belum dapat diduduki akibat kerosakan yang agak teruk dan perlu melalui proses pembaikan," katanya, semalam.

Menurut beliau, daripada aspek kerosakan rumah pula, pihaknya mendapati, 87 rumah mengalami kemusnahan menyeluruh dan tidak boleh didiami.

"Selain itu, 148 rumah yang terjejas dan mengalami kerosakan boleh dihuni selepas melalui proses pembaikan," katanya.

Amirudin berkata, setakat ini, 308 keluarga membabitkan 1,254 mangsa dikenal-pasti dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Ia membabitkan 630 mangsa daripada 157 keluarga yang sedang menduduki Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia Putra Heights.

"Baki 624 mangsa membabitkan 151 keluarga tidak menduduki PPS dan sedang menetap di rumah saudara ataupun rakan atas usaha sendiri," katanya.

Kaji semula pembangunan babit laluan gas

Kuala Lumpur: Insiden kebakaran besar di Putra Heights, Selangor, jam 8.10 pagi Selasa lalu, membuktikan keperluan untuk menilai semula keselamatan pembangunan bandar di kawasan berisiko tinggi, khususnya yang membabitkan laluan gas dan bahan mudah terbakar.

Pensyarah Kanan Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Dr Gobi Krishna Sinniah berkata, kerajaan perlu mengkaji semula kawasan berisiko tinggi dan mewartakan rizab utiliti sebagai kawasan risiko utama negara.

"Meskipun kejadian letupan jarang berlaku di kawasan perumahan dan komersial, ia tetap adalah ancaman berisiko tinggi yang memerlukan tindakan segera daripada pihak berkepentingan, termasuk kerajaan."

"Kawasan pembangunan yang berdekatan dengan koridor atau jajaran gas ini sudah tentu memberi kesan kepada orang ramai. Sepatutnya, kawasan perumahan atau pembangunan padat ini sudah dikenal-pasti sebagai kawasan berisiko tinggi, dan langkah pencegahan awal juga perlu dikaji semula," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata, insiden kebakaran seperti ini bukanlah yang pertama berlaku di Malaysia, dengan kejadian serupa pernah dilaporkan di Kawasan Perindustrian Kerteh, Terengganu pada tahun lalu, loji penapis minyak di Pengarang, Johor (2022) dan loji penapis minyak di Port Dickson, Negeri Sembilan (2020), namun kes-kes terabit tidak melibatkan kawasan pembangunan pesat.

Sehubungan itu, Gobi Krishna berpendapat, kajian semula terhadap pembangunan peruma-

han dan komersial di kawasan rizab utiliti perlu dilaksanakan dengan mengambil kira aspek alam sekitar, sosial serta penilaian risiko yang lebih mendalam.

"Pihak berkenaan bukan sahaja perlu meneliti kesan pembangunan terhadap persekitaran, tetapi juga perlu mempertimbangkan implikasi terhadap utiliti sedia ada sekiranya pembangunan diteruskan."

"Oleh itu, pendekatan kita terhadap perancangan bandar perlu berubah ke arah itu," katanya.

Beliau turut mencadangkan supaya kerajaan menentukan sempadan kawasan yang mungkin terjejas sekiranya berlaku insiden serta membangunkan zon penampungan yang lebih berkesan dengan elemen semula jadi seperti sungai dan hutan.

"Apa yang berlaku sekarang adalah pembangunan datang kemudian di sepanjang laluan koridor utiliti, menyebabkan langkah mitigasi hanya tertumpu kepada



Ada PBT yang menetapkan jarak zon penampungan pada 40 kaki (12 meter), ada pula yang lebih atau kurang.

Ketidaksepaduan ini boleh memberi kesan kepada keselamatan kawasan terabit"

Dr Gobi Krishna

pembinaan pagar sebagai pemisah antara pembangunan dan utiliti," katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu meneliti semula keperluan zon penampungan di kawasan berisiko tinggi kerana ketika ini terdapat ketidaksepaduan dalam penetapan standard zon terabit.

"Ada PBT yang menetapkan jarak zon penampungan pada 40 kaki (12 meter), ada pula yang lebih atau kurang. Ketidaksepaduan ini boleh memberi kesan kepada keselamatan kawasan terabit, terutama dari segi topografi dan geografi."

"Perkara ini perlu diperhalusi dengan lebih terperinci bagi memastikan zon penampungan di kawasan utiliti diperluaskan," katanya.

RINGKAS

Salur bantuan kewangan Isnin ini

yhp
km

Shah Alam: Bantuan RM5,000 akan disalurkan kepada pemilik rumah yang rosak akibat insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, manakala RM2,500 diberi kepada mangsa yang terkesan. Kedua-dua bantuan ini akan disalurkan bermula Isnin ini.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata, untuk proses itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri akan melengkapkan data jumlah penduduk yang benar-benar terjejas susulan insiden itu.

Menurutnya, ia bagi memastikan tiada pihak yang mengambil kesempatan atau tertinggal dalam menerima sokongan dan bantuan ditetapkan.

"Kita akan memurnikan data berkenaan dengan diketuai oleh unit bencana daerah atau pegawai daerah selaku ketua unit bencana daerah dan bekerjasama dengan JKJ, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) dan Petronas untuk memulakan proses penyaluran bantuan sama ada RM2,500 dan RM5,000 yang diumumkan Perdana Menteri.

"Dalam masa beberapa hari, proses itu akan dibuat dan penyampaian akan dimulakan Isnin (ini). Kita akan membuat pengumuman rasmi dalam masa terdekat," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: ... 04 APR 2025 ...

Fokus kebajikan sebelum tindakan undang-undang



Subang Jaya: Penduduk di Jalan Putra Harmoni, Putra Height di sini, yang terjejas akibat kebakaran paip gas Selasa lalu, kini memberi fokus kepada pemeriksaan keselamatan di kediaman masing-masing.

Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk Putra Harmoni

Francis Koh berkata, masih terlalu awal untuk bercakap soal tindakan undang-undang.

"Kita serahkan siasatan terlebih dahulu dan uruskan kemasukan penduduk secara berfasa bagi tujuan pemeriksaan keselamatan."

"Tindakan undang-undang masih awal, yang penting isu kebajikan terlebih dahulu," katanya di Pos Kawalan Tempat Ke-

jadian (PKTK), semalam.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Penduduk Putra Harmoni dikenali sebagai Lau berkata, pihaknya meminta agensi berkaitan membabitkan persatuan penduduk pada setiap mesyuarat diadakan.

"Kami perlu maklumat terkini untuk disampaikan kepada penduduk, mereka kini kekurangan maklumat dan disebabkan itu,

mereka terganggu dan risau.

"Saya harap pihak berkuasa bekerjasama dengan persatuan pendu-

duk kerana

kami ada se-

mua data

pendu-

duk, ter-

masuk

halwan

pelihara-

an mere-

ka," katanya.

"Kita serah siasatan dahulu dan uruskan kemasukan penduduk secara berfasa"
Francis Koh



Subang Jaya

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

Terjun sungai lari dari bahang

Wanita warga emas bersama 11 ahli keluarganya nekad terjun ke Sungai Klang bagi menyelamatkan diri daripada kebakaran saluran paip gas bawah tanah di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di sini, Selasa lalu.

"Ketika itu, kami tidak terfikir tentang buaya atau binatang berbisa lain, hanya fikir kalau tidak terjun ke sungai ketika itu, mungkin kami mati akibat bahang," kata Ramlah Harun.

Ramlah, 60, berkata, pada kejadian pagi itu, dia yang berada di kediamannya di Kampung Kuala Sungai Baru, terdengar letupan disusuli api menjulang.

Menurutnya, ketika kejadian, dia ada di rumah bersama empat anak iaitu Nur Ain Shamsuddin, 38, Mohammad Ariff, 33, Muhammad Adnan, 31, dan Nur Aisya, 18.

Selain itu, turut bersama ialah menantu, Nisa Mahmud, 36, serta Nuraisah Razali, 32, selain cucu, Muhammad Aiman Alias, 12, Aditia Alias, 10, Cahaya Mawaddah Azizul, 7, Ainiul Mardiah Alias, setahun dan Qasih Zulaikha Azizul yang berusia sembilan bulan.

"Rumah saya terletak 200 meter dari lokasi kebakaran. Bahang kebakaran itu cukup terasa.

"Kami keluar dari rumah dan cuba melarikan diri dengan berhimpit di dalam

KELUARGA mangsa yang menyelamatkan diri dengan menyeberangi sungai susulan kejadian letupan dan kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni Putra Heights. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

kereta Proton Saga. Bagaimanapun, sebuah kenderaan lain menghalang jalan untuk keluar dari kampung.

"Oleh kerana keadaan di dalam kereta terlalu panas, kami nekad keluar sebelum terjun ke sungai," katanya ditemui di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heights, di sini, semalam.

Terdahulu, tular rakaman video memaparkan

keluarga itu terjun ke Sungai Klang, dekat Kampung Kuala Sungai Baru, bagi melarikan diri daripada api kebakaran yang marak.

"Sesekali, ada dalam kalangan kami tenggelam hingga tertelan air sungai, kami tolong antara satu sama lain untuk tarik semula yang tenggelam naik ke atas. Apabila teringat semula, terasa sedih sebab kami memang bertarung untuk hidup"

Nisa Mahmud



Menceritakan video tular itu, Nisa berkata, mereka sekeluarga berada di dalam sungai terbabit daripada jam 8.10 pagi sehingga jam 12 tengah hari sambil bergerak menyusuri sungai sejauh 1.5 kilometer ke arah Kampung Tengah.

"Kawasan sungai itu bersebelahan dengan kawasan yang dalamnya melepasi paras kepala.

"Sesekali, ada dalam kalangan kami tenggelam hingga tertelan air sungai, kami tolong antara satu sama lain untuk tarik semula yang tenggelam naik ke atas. Apabila teringat semula, terasa sedih sebab kami memang bertarung untuk hidup.

"Syukur kerana ada warga Pakistan sanggup beregang dari seberang sungai demi membantu kami naik semula ke darat di Kampung Tengah," kata suri rumah itu.

Nisa berkata, ibu mentua bengkak di kaki dan dibawa ke hospital semalam, untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.

"Adik ipar (Mohammad Ariff) luka di kaki akibat terpijak objek tajam di dalam sungai. Ainiul Mardiah pula ada kesan merah pada pipi, mungkin kegatalan. Kami sekeluarga akan buat pemeriksaan kesihatan hari ini (semalam).

"Buat masa ini, kami belum tahu keadaan rumah di kampung dan menunggu arahan polis untuk wakil keluarga pulang mengambil barangan penting," katanya.

Kuala Lumpur: Media Prima Audio (MPA) tampil menghulurkan bantuan kepada mangsa kebakaran sahur paip gas di Putra Heights, dekat sini, dengan menggerakkan kempen sumbangan pakaian dan barangan keperluan asas untuk mangsa.

Menurut Ketua Pegawai Operasi (COO) MPA Aaron Pinto, insiden terbabit menyebabkan kerugian besar kepada penduduk termasuk kehilangan barangan peribadi serta kediaman rosak.

"Sebagai stesen radio

PUTRA HEIGHTS BERGEGAR

Media Prima Audio tampil hulur bantuan

yang dekat dengan komuniti, tanggungjawab kami bukan sahaja menghiburkan, tetapi turut membantu jika ada keperluan dengan menjadi penghubung antara mangsa dan masyarakat melalui saluran komunikasi kami.

"Sejurus selepas insiden, MPA segera mengadakan kempen kutipan bantuan dengan menumpukan kepada barang ke-

perluan seperti pakaian, lampin bayi, susu formula, pakaian solat, serta barangan lain yang boleh digunakan oleh mangsa," katanya.

MPA memilih untuk mengumpul pakaian dan barangan yang masih boleh digunakan berbanding makanan yang berisiko rosak atau basi sebelum sempat sampai kepada mangsa.

Inisiatif ini mendapat sambutan menggalakkan dengan kutipan ratusan helai pakaian dan barang keperluan lain yang berjaya dikumpul daripada orang ramai.

"Bukan itu sahaja, syarikat besar seperti Bata juga tampil menghulurkan sumbangan membabitkan 280 kasut pelbagai saiz untuk kanak-kanak dan dewasa.

"Menariknya, kami hanya menguar-uarkan program ini melalui saluran radio kami dan dalam platform media sosial, namun masih mendapat sambutan ramai yang memberangsangkan," katanya.

MPA, melalui jenama radio di bawahnya seperti Hot FM, Fly FM, Kool 101 dan Eight FM, mengadakan kempen kutipan pa-

kaian pada 2 dan 3 April di Balai Berita Bangsar, Jalan Liku.

Sumbangan dikumpulkan selama dua hari sehingga jam 5 petang semalam, hanya menerusi kaedah *drop-off* di lokasi ditetapkan, memudahkan orang ramai menyampaikan bantuan.

MPA berharap, usaha ini dapat membantu meredakan beban mangsa.

Siasatan awal diumumkan hari ini

Pengumuman merangkumi beberapa skop, kajian dan dapatan



SUMBANGAN pelbagai barangan kepada mangsa di Masjid Putra Height susulan kejadian letupan dan kebakaran saluran paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights.

Oleh Noor Hidayah
Tanzizi

hidayah@hmetro.com.my

Shah Alam

Hasil siasatan awal insiden kebakaran akibat kebocoran saluran paip gas yang berlaku di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights di Subang Jaya, akan dimaklumkan hari ini.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, perkara itu akan dimaklumkan oleh Ketua Polis Selangor Datuk Hussein Omar Khan merangkumi beberapa skop, kajian dan dapatan.

Menurutnya, siasatan akan merujuk kepada dua aspek iaitu teknikal yang



Kita mengambil maklum semua klip video, laporan, maklumat dan kita akan memanggil semua pihak terbabit"

Amirudin

dikendalikan beberapa jabatan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Petronas dan badan teknikal lain.

Kata beliau, aspek kedua akan merujuk kepada kecuaian atau kesalahan jenayah.

"Tempoh 72 jam itu

(tempoh hasil laporan awal diketahui) adalah maklum balas awal daripada siasatan dan itu berlaku esok (hari ini).

"Datuk Hussein selaku ketua ataupun unitnya adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ketua siasatan akan mengemukakan beberapa skop, kajian dan dapatan yang diberikan," katanya pada sidang media di Bangunan SUK Selangor, di sini, semalam.

Menurut beliau, 108 laporan polis diterima berhubung insiden dan pihak berkaitan akan membuat penilaian, termasuk video tular di media sosial, dan akan memanggil pihak yang mengeluarkan video itu jika ada keperluan un-

tuk pengesahan dan mendapatkan maklumat lanjut.

"Kita mengambil maklum semua klip video, laporan, maklumat dan kita akan memanggil semua pihak yang terbabit dan hal itu akan dimaklumkan mulai esok oleh Ketua Polis Negeri," katanya.

Beliau berkata, taklimat mengenai kejadian itu diberikan secara harian oleh pihaknya dan PDRM.

"Taklimat membabitkan dasar keputusan keseluruhan dan satu lagi pada hari seterusnya membabitkan aspek-aspek siasatan sama ada yang melibatkan jenayah, kecuaian ataupun aspek-aspek teknikal yang akan dibentangkan oleh jabatan terbabit," katanya.

Letupan paip gas di Putra Heights

85 rumah disahkan selamat

Penghuni dibenar pulang, bantuan awal diumumkan PM disalur Isnin depan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Shah Alam: Lapan puluh lima rumah terabit dalam kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya, disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing mulai malam kelmarin.

Perkembangan itu diumumkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari pada sidang media semalam, selain berkaitan bantuan awal diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, masing-masing RM2,500 dan RM5,000 untuk mangsa terkesan letupan, akan mula disalurkan Isnin depan.

Menurutnya, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta penyedia utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad

(TNB) mengesahkan status 85 unit kediaman itu membabitkan kawasan di Taman Harmoni dan bekalan air serta elektrik juga sudah disambungkan ke rumah terabit.

"Pihak Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah akan memaklumkan kepada setiap pemilik ini dan mereka diberi peluang untuk pulang ke kediaman masing-masing mulai hari ini (semalam).

"Dari semasa ke semasa, kita akan lihat balik kerana setakat ini, ada lebih kurang 115 rumah dianggap atau diisytihar selamat oleh JBPM," katanya pada sidang media di Bangunan Seti-

ausaha Kerajaan Negeri (SUK), di sini.

Mengenai bantuan awal RM2,500 dan RM5,000 untuk mangsa, Amirudin berkata, ketika ini data penduduk terjejas sedang dilengkapkan untuk memulakan proses penyampaian bantuan.

"Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri akan mengambil tanggungjawab memurnikan data jumlah penduduk yang benar-benar terkesan dengan insiden kebakaran ini supaya tidak timbul sebarang isu mengambil kesempatan.

"Ia termasuk isu (mangsa)

tertinggal atau terlepas menerima sokongan dan bantuan yang ditetapkan, khususnya untuk (mangsa yang tinggal) di Taman Harmoni dan juga Kampung Kuala Sungai Baru.

"Untuk itu, kita akan memurnikan data terabit dengan dike-tual unit bencana daerah atau pegawai daerah selaku ketua unit bencana daerah dan bekerjasama dengan JKJ, ICU (Unit Penyelidikan Pelaksanaan), PETRONAS dan sebagainya," katanya.

87 rumah tak boleh didiami

Mengenai kediaman rosak keseluruhan atau total lost akibat letupan paip gas, Amirudin mengesahkan ia membabitkan 87 unit yang tidak boleh didiami lagi, manakala 148 rumah mengalami kerosakan tetapi boleh didiami semula selepas pembaikan.

Sehingga urusan baik pulih selesai, katanya, mangsa terjejas perlu menghuni pusat pemindahan sementara (PPS) dan kemudian dipindahkan ke penempatan lebih selesa sebelum boleh pulang ke kediaman asal mereka.

"Akan dilaksanakan perbin-

6 Dari semasa ke semasa, kita akan lihat balik kerana setakat ini, ada lebih kurang 115 rumah

dianggap atau diisytihar selamat oleh JBPM

Amirudin Shari,
Menteri Besar
Selangor



cangan dari semasa ke semasa. Anggaran dibuat perdana menteri, mungkin proses sebaik-baiknya akan ambil masa lebih enam bulan, semua bergantung sebagaimana pantas kita dapat selesaikan siasatan," katanya.

Sementara itu, beliau menjejaskan, 1,254 mangsa daripada 308 keluarga telah dikenal pasti dan berdaftar dengan JKJ dengan dua sedang menerima rawatan di unit rawatan rapi (ICU), masing-masing di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Ampang akibat masalah respiratori.

Selain itu, 630 mangsa daripada 157 keluarga menghuni dua PPS, iaitu Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia, manakala baki 624 mangsa membabitkan 151 keluarga tidak berpindah ke PPS.

Hasil siasatan diumumkan mulai hari ini

Shah Alam: Hasil dapatan siasatan kebakaran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya Selasa lalu akan mula diumumkan hari ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata laporan awal akan diumumkan pada sidang media oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan.

"Setiap hari akan ada sidang media, satu membabitkan dasar, keputusan keseluruhan dan satu yang membabitkan aspek siasatan, sama ada jenayah, kecuai atau aspek teknikal yang akan dibentangkan oleh jabatan terabit," katanya semalam.

Mangsa terus terima bantuan

Kuala Lumpur: Penduduk terjejas insiden letupan paip gas bawah tanah yang mengakibatkan kebakaran besar di Putra Heights, di sini pada Selasa lalu, terus menerima bantuan di saluran pelbagai pihak.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen menawarkan khidmat penggantian dokumen berkaitan secara percuma, manakala Majlis Amanah Rakyat (MARA) membenarkan peminjamnya yang terbahit menanggung bayaran pinjaman.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke pada sidang media selepas menziarahi mangsa kejadian di pusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putra Heights semalam, berkata JPJ akan membuka kaunter bergerak di PPS berkenaan.

"Kaunter bergerak itu menyediakan khidmat penggantian dokumen berkaitan yang musnah atau hilang akibat kejadian itu, termasuk lesen memandu, Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) untuk memudahkan mangsa mengurus membuat tuntutan insurans.

"Tiada laporan polis diperlukan untuk mendapatkan perkhidmatan berkenaan, mangsa hanya perlu beri nama dan nombor

kad pengenalan untuk mencetak semula semua dokumen secara percuma, bermula hari ini (semalam) hingga esok (hari ini).

"Perkhidmatan ini akan dilanjutkan jika perlu," katanya turut memaklumkan bahawa syarikat penjualan kereta, Carro juga bersetuju menyumbang 30 kenderaan bagi kegunaan sementara mangsa insiden berkenaan secara percuma.

Pihaknya juga sedang mengusahakan perbincangan bersama pihak berkaitan untuk menaja motosikal percuma kepada lebih 70 mangsa, manakala pengasas Kumpulan Berjaya, Tan Sri Vincent Tan menyediakan RM3,000 untuk disumbangkan kepada setiap keluarga mangsa.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah ketika ditemui media di lokasi sama, berkata perkhidmatan termasuk penggantian dokumen pengenalan diri secara percuma disediakan menerusi Bas MEKAR dan van bergerak ditempatkan di PPS.

Katanya, mangsa boleh menggantikan kad pengenalan, sijil lahir dan dokumen penting lain yang akan diberikan terus di PPS seurus urusan dikendalikan kira-kira 30 pegawai dan kakitangan JPN yang bermula semalam itu selesai.

"Perkhidmatan ini percuma kerana ia diperlukan untuk mangsa mendapatkan pelbagai bantuan lain. Setakat hari ini (semalam), kita sudah terima dan selesaikan 19 gantian kad pengenalan dan 43 cabutan sijil kelahiran.

"Kerajaan dan agensi berkaitan sedang bertungkus-lumus membantu dalam apa-apa keadaan sekalipun," katanya menambah Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut menyediakan kawalan keselamatan di kediaman yang terjejas.

Ganti passport percuma

Di Putrajaya, Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Zakaria Shaaban dalam satu kenyataan semalam, berkata agensi itu menawarkan penggantian passport Malaysia secara percuma kepada mangsa insiden.

"Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail telah mengarahkan penggantian percuma itu hari ini (semalam). Mangsa yang pasportnya hilang atau rosak boleh memohon ganti tanpa bayaran di mana-mana pejabat imigresen berdekatan," katanya.

BERNAMA melaporkan, beliau berkata, antara syarat penggantian passport percuma adalah dokumen itu yang hilang atau



Shamsul Anuar melawat mangsa di PPS Masjid Putra Heights, semalam. (Foto Saifulhizan Tamadi/BER)

rosak mestilah masih sah dengan tempoh sekurang-kurangnya enam bulan dan pemohon perlu membawa passport asal jika masih ada.

"Syarat lain termasuk menyerahkan salinan laporan polis, bomba atau pihak berkuasa tempatan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki dalam hantaran di Facebook, memaklumkan agensi itu

menawarkan penangguhan atau moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan kepada peminjamnya yang terlibat dalam insiden berkenaan.

"MARA tawarkan moratorium kepada mangsa kebakaran Putra Heights sehingga enam bulan. Moga dapat kurangkan bebanan musibah," katanya namun tidak berkongsi jumlah sebenar peminjam MARA yang terjejas akibat insiden itu.

115 pemilik dibenar pulang berperingkat periksa rumah

Kuala Lumpur: Pemilik 115 rumah yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya, pada Selasa lalu dibenarkan memeriksa sendiri kediaman masing-masing secara berperingkat semalam.

Pegawai Daerah Petaling, Huzunul Khaidil Mohammed, berkata fasa pertama membabitkan 41 pemilik rumah di Jalan 1/3A, yang dibenarkan masuk mulai jam 9.30 pagi bagi melihat keadaan rumah, termasuk pendawaian elektrik.

"Sekiranya pendawaian berada di dalam keadaan baik, bekalan elektrik akan disalurkan semula. Jika pemeriksaan inventori mengesahkan keadaan kediaman selamat, penduduk akan dibenarkan kembali menetap di kediaman mereka," katanya, semalam.

Bellau berkata, selepas fasa pertama membabitkan 41 rumah selesai, fasa kedua dan ketiga akan dilaksanakan.

Tinjauan mendapati penduduk hadir seawal jam 8 pagi seperti ditetapkan pihak berkuasa.

Sebelum ini, Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat, memaklumkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah menjalankan pemeriksaan akhir pendawaian di semua 115 rumah.

JBPM melaksanakan semakan



Huzunul Khaidil

inventori di kediaman yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas itu dan mendapati semua kediaman mungkin dalam keadaan baik serta dipercayai selamat untuk diduduki.

Petroleum Nasional Bhd (PETRONAS) mengesahkan kebakaran pada jam 8.10 pagi Selasa lalu berlaku di saluran paip utama

milik Petronas Gas Bhd (PGB). Kebakaran saluran paip gas itu mengambil masa hampir lapan jam dipadamkan sepenuhnya dan menyebabkan terbentuknya kawah berkedalaman 9.8 meter dengan keluasan kira-kira 21 x 24 meter di tempat kejadian.

BERNAMA



Penduduk membawa keluar barangan untuk digunakan selepas memeriksa kediaman di Taman Putra Harmoni, semalam. (Foto Hairul Anwar Rahim/114)

Letupan paip gas di Putra Heights

Mangsa diminta perincikan kerugian, kemuka tuntutan

Peguam saran penduduk terjejas tunggu sehingga siasatan selesai

Oleh Farah Marshita Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mangsa kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, boleh mengemukakan tuntutan kepada mana-mana pihak yang didapati bertanggungjawab atas kejadian berkenaan.

Peguam, Naily Siham Sahrom, berkata langkah pertama yang perlu dilakukan mangsa ialah menyenaraikan segala kos kerugian dan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung akibat kejadian itu.

Bagaimanapun katanya, pihak bertanggungjawab seharusnya menghantar wakil untuk turun padang bagi melihat keadaan semasa mangsa dan memberikan pampasan awal.

"Senaraikan semua kos dan perbelanjaan terpaksa ditanggung penduduk. Selepas itu, buat

tuntutan kepada pihak berkenaan dengan memberi segala bukti perbelanjaan," katanya kepada BH.

Menurut Kementerian Kesihatan (KKM), kira-kira 100 mangsa menerima rawatan di beberapa hospital sekitar Lembah Klang, setakat kelmarin, iaitu di Hospital Putrajaya seramai 14 orang, Hospital Sultan Idris Shah, Serdang (28), Hospital Cyberjaya (25), Hospital Ampang (1) dan Hospital Kajang (2).

Sementara itu, 30 lagi mangsa dirawat di empat hospital swasta, termasuk 22 orang di Subang Jaya Medical Centre, Hospital Thomson (1), Avisena Specialist Hospital (5) dan Columbia Asia Hospital, Bukit Rimau (2).

Bagi keluarga mangsa, selain bantuan perubatan, mereka juga memohon pihak berkaitan dapat memberikan bantuan keperluan asas seperti pakaian dan makanan kerana kebanyakan mereka menyelamatkan diri sehelai sepingsang.

Pelbagai pihak tampil bantu

Tragedi yang menggemparkan negara ini turut memperlihatkan kebersamaan rakyat tanpa mengira kaum ditonjolkan apabila beberapa rumah ibadat dijadikan pusat rawatan sementara antaranya Kuil Sri Maha Kaliannan dan Masjid Al-Falah USJ 9, ma-



Keadaan kediaman yang rosak dan kenderaan musnah selepas letupan paip gas di Jalan Putra Harmoni, Putra Heights, Selasa lalu. (Foto BERNAMA)

nakala Masjid Nurul Iman dan Masjid Putra Heights dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS).

Sementara itu, Naily berkata, ketika ini semua mangsa perlu menunggu sehingga siasatan selesai dijalankan.

"Sekiranya sudah dibuktikan kerja pembaikan di kawasan berkenaan mengakibatkan gangguan kepada laluan saluran paip gas, mereka sepatutnya membayar pampasan dan ganti rugi kepada penduduk terkesan," katanya.

CIDB tarik semula balik kenyataan

Kuala Lumpur: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) memohon maaf dan menarik semula kenyataan media yang dikeluarkan agensi itu kelmarin berkaitan insiden kebakaran saluran paip gas di Putra Heights, Subang Jaya.

CIDB dalam kenyataan malam kelmarin menjelaskan keputusan itu dibuat kerana tidak mahu mendahului proses siasatan yang masih berjalan dan membabitkan banyak pihak berkuasa.

Menurut agensi itu, sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap pembangunan industri pembinaan negara, CIDB memberi jaminan akan membantu siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa terbabit.

BERNAMA

TNB tawar rebat 100 peratus satu bulan bil

BH
Jumaat 4/4/25

Kuala Lumpur: Sebagai tanda prihatin terhadap kesulitan dialami pelanggan terjejas insiden letupan paip gas di Putra Heights, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menawarkan rebat 100 peratus bagi satu bulan bil secara sekali gus atau one off.

Menerusi program tanggungjawab sosial (CSR) Bantuan Kebakaran TNB, rebat itu diberikan berdasarkan caj semasa bil pada Mac dan akan dikreditkan dalam bil elektrik April

bagi pelanggan terjejas.

Dalam satu kenyataan semalam, TNB turut menyediakan bantuan lain seperti tiada caj sambungan bagi permohonan semula bekalan elektrik untuk rumah yang mengalami gangguan bekalan akibat insiden berkenaan.

"Tiada surcaj lewat bayar bagi bil semasa. TNB juga akan bekerjasama dengan pihak berkuasa serta kontraktor berdaftar yang dilantik untuk

menjalankan pemeriksaan pendawaian, bagi memastikan sistem elektrik di rumah yang terkesan dalam keadaan baik dan selamat," katanya.

Pada masa sama, TNB membuka kaunter perkhidmatan berhampiran Bilik Gerakan Polis mulai kelmarin untuk memudahkan pengguna yang terjejas mendapatkan bantuan perkhidmatan berkaitan elektrik.

"Pegawai TNB akan menghubungi semua pelanggan yang

terkesan untuk mengatur bentuk bantuan yang akan disalurkan," katanya.

Pengguna juga boleh menghubungi Ketua Perhubungan Pelanggan TNB di talian 012-6060954 untuk sebarang maklumat lanjut.

Di samping itu, TNB akan menilai inisiatif bantuan dari semasa ke semasa mengikut ke-

perluan selanjutnya.

TNB komited untuk terus memantau status bekalan elektrik di kawasan terjejas bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan penduduk.

"TNB mendoakan kesejahteraan semua pihak yang terabit dan berharap agar kerja pemulihan berjalan lancar," menurut syarikat utiliti itu.



TNB turut menyediakan bantuan lain seperti tiada caj sambungan bagi permohonan semula bekalan elektrik untuk rumah yang mengalami gangguan.

(Foto BERNAMA)

Ibadat&Fadilat

Anas Ibnu Malik RA berkata: Nabi SAW tidak keluar pada (pagi) Aidilfitri sehingga Baginda makan beberapa kurma. (HR Ibnu Majjah)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:07	1:24	4:25	7:29	8:39
Alor Setar	6:07	1:24	4:25	7:29	8:38
P. Pinang	6:08	1:24	4:24	7:28	8:38
Ipoh	6:06	1:22	4:24	7:26	8:35
Kuala Lumpur	6:04	1:19	4:23	7:23	8:32
Shah Alam	6:04	1:19	4:23	7:23	8:32
Johor Bahru	5:56	1:11	4:17	7:13	8:22
Kuantan	5:59	1:14	4:18	7:17	8:26
Seremban	6:03	1:18	4:23	7:21	8:30
Bandar Melaka	6:02	1:17	4:22	7:20	8:29
Kota Bharu	6:00	1:17	4:17	7:21	8:27
K. Terengganu	5:57	1:13	4:14	7:17	8:27
Kota Kinabalu	5:05	12:21	3:21	6:25	7:35
Kuching	5:31	12:45	3:52	6:49	7:58

Letupan paip gas di Putra Heights

Sembilan rumah, harta benda lebih RM1.5 juta hangus

**Pesara kerajaan
terpaksa
lupakan hasrat
tunai umrah
Rabu depan**

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Serdang: Seorang pesara kerajaan berputih mata selepas sembilan kediaman, termasuk lapan unit rumah sewa serta harta miliknya bernilai lebih RM1.5 juta hangus dalam kebakaran saluran paip gas bawah tanah di Putra Heights.

Lebih memilukan lagi, hasrat Zainudin Abdul Halim, 60, menunaikan umrah pada Rabu depan terpaksa dilupakan, sus-

ulan kejadian yang menimpa beliau dan keluarga.

"Sekarang ini saya bukan lagi B40, saya seperti gelandangan yang tidak mempunyai apa-apa," katanya yang memaklumkan rumahnya kira-kira 30 meter dari tempat letupan paip gas.

Berkongsi detik cemas ketika kejadian kira-kira jam 8.15 pagi Selasa lalu, Zainudin berkata, ketika itu beliau baru tiba di rumah selepas sarapan bersama rakannya.

"Pagi itu saya beli roti canai untuk anak. Sampai sahaja di rumah kira-kira jam 8.10 pagi, saya letak makanan di dapur lalu, masuk bilik.

"Isteri ketika itu sedang melipat kain dan kami berborak mengenai perancangan balik ke kampung isteri di Rembau.

"Lima minit kemudian, saya terdengar bunyi letupan dan rumah saya bergegar. Lepas itu, saya dengar pula bunyi angin

kuat macam bunyi enjin jet.

"Ketika menjenguk ke luar pintu rumah, saya nampak benda jatuh dan langit warna merah," katanya ketika ditemui di Hospital Sultan Idris Shah Serdang, di sini, semalam.

Jerit suruh larikan diri

Berkongsi lanjut katanya, beliau menjerit dan menyuruh semua ahli keluarganya keluar dan melarikan diri ke tempat selamat.

"Anak saya minta selamatkan kereta dulu. Tapi saya kata tak dapat. Kalau saya selamatkan kereta, rasanya saya akan mati.

"Ada seorang penyewa yang bekerja sebagai petugas kesihatan juga menyuruh semua orang lari untuk menyelamatkan diri.

"Selepas kira-kira 100 meter berlari, kami berlindung di rumah terdekat dan membasahkan badan. Selepas itu, kami teruskan berlari kira-kira 100 me-



Zainudin menunjukkan gambar kediamannya yang musnah ketika ditemui di Hospital Sultan Idris Shah Serdang, semalam. (Foto Ercy Gracella Ajos/BH)

ter lagi untuk menyelamatkan diri sebab tidak tahan dengan bahang api," katanya.

Tidak lama selepas tiba di kawasan selamat Zainudin berkata, pihak berkuasa termasuk Angkatan Pertahanan Awam (APAM) dan ambulans membawa beliau dan keluarga ke hospital.

"Saya sangat bersyukur. Kalau melihat tempat dan masa kejadian, saya percaya Tuhan sudah mengatur yang paling baik. Kalau lewat atau cepat sesaat, sudah pasti saya mati.

"Jarak rumah dengan tempat

letupan hanya kira-kira 30 meter hingga 40 meter. Saya fikir, kalau ada yang mati, saya orang pertama," katanya.

Zainudin dan lapan ahli keluarganya termasuk isteri, tiga orang anak, dua menantu, seorang cucu dan ibu mentua mendapat rawatan di Hospital Putrajaya dan Hospital Sultan Idris Shah, Serdang.

"Anak saya baru sahaja selesai pembedahan hari ini (semalam) sebab dia mengalami luka bakar teruk di tapak kaki sebab ketika kejadian, dia berlari tanpa selipar," katanya.

Beri peluang siasatan tragedi Putra Heights, elak spekulasi liar

Seorang anggota bomba alami dehidrasi pada hari pertama operasi memadam kebakaran saluran paip gas di Putra Heights dan seorang anak tempatan serta lima warga Pakistan nekad terjun sungai membantu penduduk yang lari menyelamatkan diri.

Wira merah berkenaan dan kumpulan warga asing adalah sebahagian wira tak didendang ketika kita menyaksikan tragedi yang mungkin tidak pernah terfikir berlaku di negara ini.

Mereka semua, sama ada barisan hadapan seperti bomba, polis, Angkatan Pertahanan Awam (APM), petugas kesihatan daripada doktor dan jururawat hingga atendan serta pemandu ambulans atau sukarelawan persendirian mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) meninggalkan persekitaran selesa, termasuk sambutan Aidilfitri untuk membantu ratusan penduduk sekitar kawasan terjejas.

Kebakaran bermula pada pagi 2 Syawal itu membabitkan kebocoran paip gas PETRONAS, dengan api menjulang tinggi membentuk seperti cendawan sehingga dapat dilihat dari beberapa kilometer jauhnya.

Percikan dan bahangnya menyebabkan lebih 235 premis rosak, termasuk 78 rumah dikategorikan musnah sepenuhnya atau *total lost*, selain kerosakan 399 kenderaan.

Lebih tragik, kebakaran itu menyebabkan 111 orang cedera dan menerima rawatan di hospital, termasuk 13 dalam zon merah. Kawasan terjejas pula diibaratkan seperti medan perang yang dapat disaksikan sendiri melalui potongan rakaman video yang tular di media sosial.

Hakikatnya, tragedi kebakaran yang menyaksikan ramai wira tak didendang gigih menyelamatkan mangsa serta kecederaan dan kemusnahan pasti ada sebab-musababnya.

Seperti api tidak terbakar dalam ruang hampagas, maka begitulah juga sesuatu tragedi tidak mungkin berlaku tanpa sebarang punca, tidak kira sama ada bencana alam mahupun kelalaian atau kesalahan mana-mana pihak, bahkan lebih teruk kegagalan sistemik.

Justeru, selepas lebih 30 jam insiden kebakaran itu, tumpuan terarah kepada siasatan punca kejadian dan pemeriksaan tahap keselamatan di kawasan berkenaan.

Kita percaya ketika penduduk mula dibawa pulang memeriksa kediaman mereka diiringi pegawai dan anggota agensi berkaitan, pihak berkuasa akan mula melakukan penyiasatan rapi dan terperinci.

Memang sehari dua ini pelbagai status, gambar dan video, termasuk rakaman kawasan sekitar sebelum kebakaran itu tular di media sosial, yang pastinya akan diambil kira dalam siasatan.

Justeru, semua pihak perlu memberi ruang kepada pihak berkuasa melaksanakan tanggungjawab dan tidak membuat sebarang andaian atau spekulasi liar, termasuk dijadikan sebagai percikan api untuk bergaduh sesama sendiri.

Dalam hal ini, kita mengingatkan pihak berkuasa supaya melaksanakan tanggungjawab secara menyeluruh dan telus, manakala pihak tidak berkenaan pula tidak masuk campur hingga mengganggu siasatan.

Sekiranya siasatan menemukan bukti mengaitkan mana-mana pihak, tidak kira tahap mana sekalipun, individu atau entiti terbabit perlu dibawa ke muka pengadilan.

Malah, kita mahu tragedi itu dijadikan iktibar dalam memastikan setiap prosedur operasi standard (SOP) terutama membabitkan keselamatan dipatuhi, manakala sebarang kelemahan dan kekurangan sama ada diperbaiki atau ditambah baik.

Begitu juga sebarang kelemahan dari segi pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang tidak boleh dibenarkan sama sekali kerana ia biasanya akan menjadi permulaan segala bencana atau hulu malang pangkal celaka.

Lima pengajaran penting tragedi kebakaran paip gas di Putra Heights

• Tragedi ini seharusnya menjadi titik tolak kepada usaha bersepadu untuk menambah baik pengurusan keselamatan infrastruktur negara

• Ia bukan sahaja memerlukan pendekatan sistematik oleh pihak berwajib, bahkan keterlibatan aktif masyarakat umum



Penyelidik Utama Pusat Kajian Tenaga & Persekitaran Industri, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Oleh Prof Dr Ahmad Jais Alimin
bhrencana@bh.com.my

Letupan paip gas di Putra Heights, Selangor, bukan sahaja mencetuskan panik dalam kalangan penduduk, malah membuka mata seluruh negara mengenai tahap keselamatan infrastruktur tenaga.

Insiden mengakibatkan lebih 100 mangsa cedera dan ratusan rumah serta kenderaan, sama ada musnah atau rosak itu memperlihatkan keperluan mendesak untuk penambahbaikan berterusan dalam aspek pengurusan, pemantauan dan penguatkuasaan.

Paip gas bawah tanah itu sebenarnya satu bentuk infrastruktur lazim di kawasan bandar dan separa bandar.

Letupan besar mengakibatkan kerosakan menyeluruh di kawasan perumahan padat. Ia menunjukkan selain keperluan teknikal, aspek keselamatan awam dan keupayaan tindak balas kecemasan turut menjadi cabaran besar.

Seperti banyak kes lain di peringkat antarabangsa, ciri-ciri utama letupan ini termasuk penggunaan paip bawah tanah untuk tujuan industri, kemusnahan besar kepada kawasan sekeliling serta kemungkinan kegagalan dalam pemantauan dan penyelenggaraan berkala.

Dalam konteks ini, persoalan utama timbul, adakah peraturan dan amalan semasa mencukupi untuk mengelakkan insiden seumpama ini?

Malaysia sememangnya meletakkan pelbagai peraturan mengawal selia keselamatan tenaga. Namun, insiden ini membuka ruang untuk kita menilai semula keberkesanan pelaksanaannya dan mengenal pasti aspek yang boleh ditambah baik.

Langkah seperti audit bebas berkala, pemantauan berteknologi tinggi dan laporan keselamatan telus wajar dijadikan amalan tetap sebagai langkah pencegahan.

Tragedi seperti ini bukan unik kepada Malaysia. Di Taiwan pada 2014, bandar Kaohsiung mengalami letupan paip gas bawah tanah yang mengorbankan 32 orang dan mencederakan lebih 300 mangsa.

Di San Bruno, California, Amerika Syarikat, letupan paip gas oleh syarikat utiliti PG&E pada 2010 mengakibatkan lapan kematian dan kemusnahan besar kepada kawasan perumahan.

Dalam kedua-dua kes, siasatan menunjukkan penyelenggaraan lemah, sistem pemantauan tidak cekap dan kurang ketelusan menjadi punca utama. Justeru, terdapat beberapa pengajaran penting yang boleh diadaptasi Malaysia.

Pertama, pemantauan proaktif dan penyelenggaraan infrastruktur. Sistem pemantauan secara manual perlu dipertingkatkan melalui penggunaan

teknologi moden seperti penderia pintar dan kecerdasan buatan (AI).

Di setengah negara membangun, pendekatan *digital twin technology*, iaitu model digital 3D infrastruktur sebenar diguna pakai untuk membolehkannya simulasi kebocoran dan ramalan kerosakan dilakukan secara maya sebelum kejadian sebenar.

Teknologi ini mampu mengesan kebocoran kecil sebelum ia menjadi bencana besar.

Kedua, penguatkuasaan undang-undang dan ketelusan. Adalah wajar agar agensi kawal selia dan penguatkuasaan terus diperkasa dengan sokongan sumber serta mandat yang jelas.

Audit keselamatan perlu dilaksanakan secara berkala dan hasilnya dibuka kepada umum bagi meningkatkan ketelusan serta keyakinan awam.

Ketiga, akses kepada data terbuka atau *open data*. Beberapa bandar maju seperti Helsinki di Finland dan Seoul di Korea Selatan melaksanakan sistem data terbuka mengenai lokasi serta status infras-

struktur kritikal seperti paip gas.

Memberi akses maklumat ini kepada orang awam bukan sahaja meningkatkan kesedaran, malah memperkukuh budaya berjaga-jaga dan tanggungjawab bersama dalam menangani risiko.

Keempat, kesedaran komuniti dan kesiapsiagaan. Komuniti perlu dimaklumkan mengenai kehadiran infrastruktur berisiko tinggi di kawasan mereka.

Ini termasuk menyediakan papan tanda keselamatan, latihan evakuasi kecemasan dan saluran mudah serta selamat untuk melaporkan sebarang tanda bahaya.

Kelima, prinsip *just recovery* dalam pemulihan. Dalam proses pemulihan pascainsiden, adalah penting untuk memastikan tiada kelompok masyarakat terpinggir.

Beri perhatian golongan rentan

Golongan rentan seperti warga emas, ibu tunggal dan keluarga B40 perlu diberi perhatian khusus agar bantuan serta sokongan sampai secara adil.

Pendekatan pemulihan adil atau *just recovery* kini diguna pakai di luar negara untuk memastikan semua mangsa mendapat peluang saksama dalam proses pemulihan.

Selain peranan penting kerajaan dan pihak utiliti, masyarakat turut memainkan peranan tidak kurang besar. Orang ramai perlu tahu saluran aduan dan pihak bertanggungjawab terhadap infrastruktur di kawasan mereka.

Ruang untuk rakyat bersuara dan terbabit secara aktif pascainsiden juga perlu diperkukuh.

Di Putra Heights, tindakan pantas masyarakat dalam membantu pemindahan, memberi sokongan kepada mangsa dan menyuarakan kebimbangan menunjukkan bahawa perpaduan komuniti adalah antara aset penting dalam menghadapi krisis.

Semangat ini wajar dijadikan asas dalam merancang pelan tindak balas bencana peringkat tempatan.

Tragedi letupan paip gas di Putra Heights seharusnya menjadi titik tolak kepada usaha bersepadu untuk menambah baik pengurusan keselamatan infrastruktur negara.

Ia bukan sahaja memerlukan pendekatan sistematik oleh pihak berwajib, bahkan keterlibatan aktif masyarakat umum.

Dengan mengambil iktibar daripada pengalaman negara lain, mengadaptasi teknologi moden dan memperkukuh saluran komunikasi rakyat, Malaysia berada di landasan lebih kukuh untuk mencegah kejadian seumpama ini daripada berulang.

Keutamaan kini adalah untuk membina semula, bukan sahaja kawasan terjejas, bahkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan awam di tanah air mereka.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Brave mother saves children from Putra Heights blaze

■ BY DEEPALAKSHMI MANICKAM
newsdesk@thesundaily.com

PUTRA HEIGHTS: A mother's bravery enabled her to save her two young children from a devastating fire that engulfed her home following the gas pipeline explosion in Putra Heights.

Masayuan Takbir, 38, recounted the terrifying moments when she strove to escape with her 9-year-old daughter and 2 years 8 month-old son who both rely on asthma medication.

Recalling the moments before the explosion, Masayuan said she heard an unusual sound but dismissed it. As she was about to sit down to rest, a sudden tremor shook her home. Moments later, a deafening blast erupted, engulfing the area in flames.

"I immediately woke up my children. I told my daughter to open the main door so we could escape, but it wouldn't budge. We tried the kitchen door and another exit, but everything was jammed."

It took her three desperate attempts before she managed to force open the kitchen door.

They ran barefoot to safety, heading towards a nearby riverbank. In the chaos, her children's asthma medication fell on the road.

"My daughter was worried because she and her brother need their medicine. I told her our safety comes first, but I knew I had to retrieve it."

Despite the flames, Masayuan ran back towards the road to recover the medication.

As she bent to pick it up, a second explosion sent a wave of heat and debris towards her.

"I felt my back burning, and stones rained down on me. I could barely breathe as I crawled back to my children."

She urged them to keep running towards safety. When she finally caught up with them, she realised the danger was not over yet.

"My son's hand was badly burned. My daughter, exhausted and overwhelmed by the heat, told me she couldn't go on. I reminded her that we had to stay strong and keep moving," she said, adding that they chanted prayers together for strength.

Despite reaching what seemed like a safe spot, they continued feeling the heat from the fire. With the help of a kind stranger, they made their way towards the riverbank, hoping that the water would offer some relief.

Although physically injured and emotionally shaken, Masayuan is grateful they made it out alive.

"The fire destroyed so much, but I thank God that my children and I survived," she said, still reeling from the traumatic ordeal.

The explosion left them with severe burns. Masayuan suffered third-degree burns on her back and arms. She will need to return to Hospital Putrajaya for further treatment, with the possibility of needing skin grafts.

Her son sustained deep burns on his hand while her daughter suffered minor burns and was treated for exhaustion and smoke inhalation. All three are staying at the temporary relief centre at Masjid Putra Heights.

CIDB issues apology, retracts statement

THE SUN
4/4

KUALA LUMPUR: The Construction Industry Development Board Malaysia (CIDB) has issued an apology and retracted its earlier media statement on the gas pipeline inferno in Putra Heights, Subang Jaya.

In its latest statement, CIDB explained that the decision was made to avoid pre-empting the ongoing investigation, which involves multiple authorities.

As the agency responsible for the development of Malaysia's construction industry, CIDB assured its full cooperation with the authorities conducting the investigation.

"CIDB apologises for any confusion or

concern caused by the statement, especially to the affected residents.

"We understand the difficulties they are facing and are committed to addressing this matter with integrity and transparency. We will ensure that every aspect of the case is thoroughly and fairly examined," the statement read.

CIDB also stressed it would not compromise on compliance with safety standards and construction industry regulations, and that any breaches or non-compliance would be dealt with accordingly, without exception.

"Our commitment is to ensure that the

country's construction industry operates at the highest standards for the safety, well-being and interests of all parties," the board added.

The fireball, which broke out at 8.10am on Tuesday, left a massive impact – creating a crater 32 feet deep and spanning approximately 70 by 80 feet.

The blaze caused towering flames, intense heat and flying debris, destroying rows of houses and properties, including vehicles, within a 500m radius of the site.

More than 300 people were displaced, with some hospitalised and most others evacuated to a temporary relief centre. – Bernama



Anfaal said the aid received so far was sufficient to meet the victims' needs for up to four days. – ADAM AMIR HAMZAH/THE SUN

Aid distribution for fire victims begins on Monday

THE SUN
414

➤ Homeowners whose properties were damaged to get RM5,000 each, while those who sustained injuries would receive RM2,500 each, as per PM's announcement.

■ BY IKHWAN ZULKAFLEE
newsdesk@thesundaily.com

SHAH ALAM: Government assistance for those affected by the Putra Heights inferno will begin next week, said Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari.

"The disbursement will start on Monday," he told a media conference held at the Selangor state secretariat building yesterday.

Amirudin was referring to Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's announcement that homeowners whose properties were damaged would get RM5,000 each, while those who sustained injuries would receive RM2,500 each.

Meanwhile, 85 families and homeowners affected by the incident were allowed to return to their respective homes yesterday.

Amirudin said relevant authorities, including the Fire and Rescue Department as well as Tenaga Nasional Berhad have deemed the houses of the 85 families safe to be occupied.

"There are electric and water connections to these houses. The district's disaster management committee will inform the respective families."

Another 30 homes are also found to be safe but do not have water connection yet.

Thus, out of the 235 affected residential

houses, 115 have been deemed safe to be occupied by the Fire and Rescue Department.

Amirudin said preliminary investigations into the incident are being carried out involving two parts - technical aspects as well as criminal and negligence.

He said the preliminary report would be revealed today, and is expected to be announced by Selangor Police Chief Datuk Hussein Omar Khan.

Amirudin said he would discuss with Petronas on the replacement of houses that were totally destroyed by the blaze.

He said victims are expected to remain at relief centres for another week before alternative placement is provided.

"By the end of this week, the state government will decide on a more suitable and comfortable solution for the rest of the victims who still cannot return to their homes."

"I have also been contacted by Airbnb to provide the victims temporary placements for free before a permanent placement can be arranged."



Loke with those affected by the fire, at the Putra Heights Mosque temporary relief centre yesterday. - BERNAMAPIC

Review projects near utility zones

THE SUN

4/4

► Experts urge stricter risk assessments, buffer zones and safety reviews for projects near gas pipelines

KUALA LUMPUR: The major fire in Putra Heights, Selangor on Tuesday underscores the urgent need to reassess the safety of urban development in high-risk areas, particularly those located near gas pipelines and flammable materials.

Senior lecturer at the Department of Urban and Regional Planning, Faculty of Built Environment and Surveying, Universiti Teknologi Malaysia Dr Gobi Krishna Sinniah said the government should review high-risk areas and gazette utility reserves as the country's top risk zones.

"Although explosions rarely occur in

residential and commercial areas, they remain a high-risk threat that requires immediate action from the relevant authorities, including the government.

"Developments near corridors or routes of these gas pipelines will inevitably impact the public.

Residential or high-density developments should have been identified as high-risk areas, and early preventive measures should also be reassessed," he told Bernama.

He noted that similar fire incidents had occurred in Malaysia in the past such as in the Kerteh Industrial Area, Terengganu last year, at an oil refinery in

Pergerang, Johor in 2022, and in Port Dickson, Negeri Sembilan in 2020, although these did not involve rapidly developing areas.

Gobi Krishna believes a review of residential and commercial development in utility reserve areas is necessary, taking into account environmental and social factors, along with more in-depth risk assessments.

"The authorities need to look not only at the impact of development but also at what will happen to the utility if the development proceeds. I believe our perspective needs to shift in that direction," he said.

He also recommended that the government define the boundaries of areas that could be affected in the event of an incident and establish buffer zones incorporating natural elements such as rivers and forests for greater effectiveness.

"In this case, the development came

later along utility corridors, resulting in mitigation measures being limited to building fences as a barrier between the development and the utility," he said.

He added that local authorities should reassess the necessity of buffer zones in high-risk areas as there is currently a lack of uniformity in standards.

"Some local authorities set the distance at 40 feet (12 metres), while others more or less. This inconsistency can affect the safety of the areas involved, particularly in terms of topography and geography. This matter needs to be examined in greater detail to ensure that buffer zones in utility areas are expanded," he said.

Meanwhile, Institution of Engineers Malaysia president Prof Dr Jeffrey Chiang Choong Lwin said the government and local authorities must also enhance awareness and training among developers, engineers and

contractors, particularly in the use of digital mapping technology and geographic information systems, to identify and safeguard utility reserve areas.

"Local authorities must also ensure that every development application or excavation work near utilities undergoes a comprehensive safety impact assessment before approval. They should also increase the frequency of monitoring and safety audits at construction sites to ensure compliance with safety guidelines."

He said the institution is prepared to collaborate with stakeholders to promote safer and more sustainable infrastructure development in Malaysia.

The major fire, which broke out at 8.10am, destroyed and damaged rows of houses and properties, including vehicles, within a 500m radius due to the intense heat.

THE SUN

Tarikh: 04 APR 2025

Berjaya Cares Foundation founder steps in to offer assistance

THE SUN
4/4

KUALA LUMPUR: Berjaya Cares Foundation founder Tan Sri Vincent Tan has pledged RM3,000 in financial aid with immediate effect for each family affected by the blaze in Putra Heights.

Transport Minister Anthony Loke Siew Fook said he was contacted by Tan, who is ready to provide cash donations to ease the burden of those affected by the incident.

"This is among the donations that are being worked on. Of course, we at the Transport Ministry will continue to contact private companies to help, whether in the

form of cash, essential goods or transportation," he said while visiting the victims at the Putra Heights Mosque temporary relief centre yesterday.

"With continued support from the private sector and relevant parties, it is hoped that all fire victims can be assisted more efficiently to enable them to return to their normal lives."

Loke added that car sales company Carro has agreed to provide 30 vehicles for temporary use by the victims.

He said efforts are also underway to secure free motorcycles for over 70 victims,

with discussions currently taking place with various stakeholders.

"The Selangor Investment, Trade and Mobility Exco Office led by Ng Sze Han is handling registrations, so affected individuals in need of vehicles can sign up."

"We are assessing the demand and reaching out to more companies to secure additional vehicles for temporary use by the victims."

On Wednesday, Ng announced that Chery Malaysia would provide 50 vehicles for the victims to use for one month, further easing their burden. — Bernama

THE SUN

Tarikh: 04 APR 2025

'Consult with centres before sending donations'

THE SUN

4/4

KUALA LUMPUR: Individuals and NGOs have been advised to consult the administration of the temporary relief centre (PPS) at the Putra Heights Mosque, Subang Jaya, before sending aid to those affected by the blaze.

Selangor Women's Development and Community Welfare exco Anfaal Saari said this was to prevent an overflow of items that may

not be needed by recipients.

"It is better for any NGO to consult first rather than send items that may not be needed by the aid recipients. Since the PPS falls under the jurisdiction of the Social Welfare Department, that agency will coordinate the assistance received," she said when met after delivering aid to women and children at

the PPS.

She added that the aid received so far was sufficient to meet the victims' needs for up to four days.

According to Anfaal, donations of used clothing have been temporarily suspended due to the large volume already received.
- Bernama

THE SUN

Tarikh: 04 APR 2025

Prasarana provides six free vans for victims ^{THE SUN 4}

KUALA LUMPUR: Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), through its Prasarana Prihatin programme, has provided six Rapid KL On-Demand vans free of charge to victims of the gas pipeline fire in Putra Heights, Subang Jaya.

In a statement, the company said the free door-to-door shuttle van service will begin tomorrow and continue until the situation stabilises.

The operational route will run from the temporary relief centre (PPS) at the Putra Heights Mosque Hall to residential areas surrounding Putra Heights, Kampung Puchong Tengah and Kampung Kuala Sungai Baru.

"In addition to the bus captain, senior traffic control officers and auxiliary police will also be on-site to assist with the movement of the community to and from the PPS, as well as to ensure that the service runs smoothly," the statement said.

"This initiative aims to facilitate the movement of victims to retrieve their necessities and personal documents from their homes while they take shelter in the PPS." – Bernama

Those affected urged to lodge police reports

THE SUN
414

KUALA LUMPUR: Those affected by the gas pipeline fire in Putra Heights are advised to lodge police reports to facilitate investigations and distribution of assistance.

Kota Raja MP Datuk Seri Mohamad Sabu said police reports are important to facilitate follow-up action by the authorities, including extending assistance to the victims.

"Police have opened more counters to facilitate this process," he said after visiting the Incident Command Post in Jalan Putra Harmoni, Putra Heights yesterday.

On Wednesday, Subang Jaya police chief ACP Wan Azlan Wan Mamat said police had received 66 reports, most of them over damage to homes and vehicles.

Mohamad, who is agriculture and food security minister, said the affected homeowners are being allowed to return to their houses in stages for inventory inspection.

He said they would be accompanied by police and personnel from the Fire and Rescue Department and Tenaga Nasional Berhad.

He added that the fire affected 485 people with 33 of them still in hospital. — Bernama

RTD offers free document replacement

KUALA LUMPUR: The Transport Ministry, through the Road Transport Department (RTD), will help ease the burden of those affected by the Putra Heights gas pipeline fire in Subang Jaya by opening a mobile counter at the Putra Heights Mosque temporary relief centre.

Transport Minister Anthony Loke said the two-day service, which began yesterday, would allow those affected to replace RTD-issued documents destroyed or lost in the fire without the need for a police report, and the process would be completed promptly.

"They only need to provide their names and identity card numbers to have their documents reprinted for free. This service will be extended if needed," he said.

Loke was speaking at a media conference after visiting the centre yesterday.

The documents that can be replaced for free include driving licences, motor vehicle licences (LKM or road tax) and Vehicle Ownership Certificates.

He said the initiative is also supported by the General Insurance Association of Malaysia, which is offering advisory services on claims those affected may be eligible for.

"Prasarana has also provided six vans for use by victims to return to their homes to collect belongings, once permitted by the authorities.

"In addition, these vans can also be used to transport them to LRT stations or wherever they need to go to purchase essential items," he said. - Bernama

THE SUN
04 APR 2025

Tarikh: